



● BIL 290 ● 29 NOV - 5 DIS 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

ILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



KEPIMPINAN LUAR BIASA

PMX



➤➤ 2-4

Hoi Hoi Ya Hoi
tidak makan diri
➤➤ 6

Ikut rasa
binasa
➤➤ 9-11

Hab dialog global
ASEAN 2025
➤➤ 15

Perdana Menteri disegani di peringkat global

KEPIMPINAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disegani di peringkat antarabangsa merupakan suatu kelebihan bagi menjamin hubungan diplomatik yang baik di serata dunia mahupun dalam kalangan negara ASEAN.

Mohd Afzanizam

Abdul Rashid yang merupakan Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad berkata, Kepengerusan ASEAN 2025 bakal digunakan oleh Perdana Menteri bagi menerajui dasar ekonomi.

"Ini yang bersifat terangkum terutamanya dari aspek pelaburan dan perdagangan terutamanya dalam kalangan

negara ASEAN.

"Isu seperti keanggotaan BRICS dijangka menjadi agenda penting terutamanya dalam konteks pentadbiran Amerika Syarikat yang akan terus bersifat melindungi industri tempatnya," katanya.

Mengulas lanjut, Afzanizam berkata perkara itu perlu diurus dengan baik kerana globalisasi perlu berlaku kerana negara-negara serantau begitu saling berkait antara satu sama lain terutamanya rantaian perniagaan.

Beliau berkata, sudah pasti ASEAN mahukan ekosistem yang menggalakkan globalisasi yang mana manfaatnya akan dinikmati oleh seluruh negara anggota



MOHD AFZANIZAM



ANWAR ketika menyampaikan ucapan khas di Seoul National University.

melalui beberapa perjanjian perdagangan bebas yang telah ditandatangani mahupun yang sedang dibincangkan.

Terdahulu, Anwar sebagai

Pengerusi Perkumpulan Serantau turut mengukuhkan hubungan bersama rakan tradisional ASEAN iaitu China, Jepun dan Korea Selatan. **17**



PECAHAN TEMA WAWASAN ASEAN

■ **INKLUSIVITI.** Aspek ini menekankan kepentingan memastikan semua negara anggota ASEAN mempunyai peluang yang sama untuk mendapat manfaat daripada integrasi dan kerjasama serantau. Ia melibatkan strategi untuk menangani jurang dan menggalakkan pembangunan saksama di seluruh rantau ini.

■ **KEMAMPANAN.** Merupakan teras kepada visi jangka panjang ASEAN. Ia melibatkan pengimbangan pertumbuhan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar dan pembangunan sosial. Tema ini menggalakkan amalan mampan, pemuliharaan sumber dan tindakan iklim untuk memastikan masa depan yang berdaya tahan dan makmur untuk rantau ini.

Kepengerusan ASEAN 2025

PAKAR SENI DIPLOMASI

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIH MOHAMED

LAWATAN ke luar negara yang dilakukan Perdana Menteri dilihat penting untuk memperkukuhkan hubungan diplomatik sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia yang bakal mengambil alih tampuk Pengerusi Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) tahun 2025.

Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara, **Profesor Dr Azmi Hassan** ketika dihubungi Wilayahku berkata, lawatan yang dilakukan Perdana Menteri sebelum ini penting berikutan Malaysia dan ASEAN perlu mempunyai suara di dalam mana-mana persidangan antarabangsa.

"Minggu lalu Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan ke Mesir, Arab Saudi, Peru dan berakhir di Persidangan G20 di Brazil. Pertubuhan-pertubuhan ini menghimpunkan negara-negara dagang dan ia penting untuk Malaysia terutama menyuarakan kepentingan Malaysia, ASEAN dan negara-negara Islam dan kecil yang lain," katanya.

Menjelas lanjut, Azmi berkata, kemahiran diplomasi dan pengaruh yang ada pada beliau dilihat dapat memimpin ASEAN dengan cemerlang berikutan pelbagai perkara yang menimpa global.

"Bagi saya, apabila Perdana Menteri melawat dan bermesyuarat dengan pemimpin lain, beliau seorang yang boleh



KEMAHIRAN diplomasi yang dimiliki Datuk Seri Anwar Ibrahim bakal meningkatkan imej ASEAN di persada antarabangsa.

berhujah, *articulate* hujahnya.

"Tindakan beliau berjumpa dengan pemimpin asing dilihat memperjuangkan dan memelihara kepentingan negara dan ini dikatakan kelebihan yang ada pada Anwar kerana beliau dipandang tinggi.

"Selain itu, penghujahan beliau dan seni berdiplomasi yang ada padanya digunakan untuk mendapatkan sesuatu dan ini sewajarnya kita mengakui kelebihan yang ada pada Malaysia dan ASEAN di bawah pentadbiran Anwar Ibrahim," katanya.

Azmi berkata, Malaysia telah mempamerkan sikap yang berkecuali dan tidak menyebelahi mana-mana pihak kuasa besar selain mengelakkan sebarang

konflik yang berisiko kepada negara.

"Sebagai contoh Laut Cina Selatan, kita tidak berpihak kepada Amerika Syarikat mahupun China, dan dalam hal ini langkah untuk menyertai BRICS umpamanya adalah untuk mendapatkan suara dan kedudukan.

"Sebelum ini, negara di dalam G7 dikuasai oleh negara Global North yang berpengaruh dan kita memerlukan suara. Oleh yang demikian kita perlu masuk dan menyertai kumpulan BRICS," katanya.

Selain itu kata beliau, Malaysia turut berpegang kepada prinsip untuk tidak akan menyebelahi mana-mana pihak seperti Manila yang mendapatkan pertolongan dan bantuan dari Amerika Syarikat.

"Kita telah melihat potensi krisis yang tercetus dan perbalahan fizikal tercetus antara Manila dan Beijing terutamanya di Kepulauan Paracel. Jadi itu pentingnya untuk kita berbaik dengan semua orang

dan tidak menyebelahi mana-mana pihak supaya kita tidak terperangkap seperti yang dilalui oleh Manila ketika ini," katanya.

Sementara itu, Azmi berkata, sudah pasti kelebihan ASEAN akan lebih menyerlah selepas ini berikutan sikap yang ditunjukkan Perdana Menteri untuk terus meneroka peluang menyuarakan kepentingan negara-negara kecil.

"Kita dapat melihat dengan jelas tindakan Perdana Menteri berhubung negara veto di dalam Majlis Keselamatan PBB. Beliau menyuarakan ketegasan Malaysia agar Brazil dilantik bagi mewakili negara Latin, Malaysia mewakili ASEAN dan Afrika Selatan mewakili Blok Afrika.

"Ini sebagai satu usaha supaya pertubuhan dunia seumpama itu tidak sekadar diwakili negara yang digelar Global North yang sebelum ini membuat keputusan bahkan beliau mempamerkan kekuatan untuk menyuarakan pandangan mewakili kumpulan negara di gelar Global South iaitu negara-negara yang sedang membangun," katanya.

Tambah beliau, dengan menggembeleng tenaga Global South ini, maka Perdana Menteri dapat mempromosi serta menyatakan pendirian ASEAN dan Malaysia bagi mendapatkan suara dalam keadaan yang lebih adil.

"Ini kerana secara lazimnya negara Global North selalunya membuat keputusan dan sebaliknya terpalang ramai adalah negara Global South. Dengan usaha menggembeleng tenaga Global South, ia akan menjadi suara yang kuat yang dapat diutarakan untuk kestabilan global," katanya. **17**

Kepimpinan di peringkat serantau

PEMILIHAN Malaysia sebagai pengerusi ASEAN mampu mengangkat serta menonjolkan lagi kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Kerajaan MADANI di peringkat serantau.

Menurut **Profesor Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain**, kelebihan Malaysia sebagai ASEAN juga membolehkan Anwar membawa dan berkongsi konsep Malaysia MADANI bersama negara-negara ASEAN yang lain.

"Ia memberi peluang kepada Malaysia lebih-lebih lagi negara kita sangat unik, terdiri masyarakat majmuk yang hidup aman damai.

"Selain itu, ia memberi impak jangka pendek dan panjang yang akan meningkatkan imej Anwar sebagai pemimpin yang hebat kepada sebuah negara yang disanjung.

"Bagi impak jangka panjang pula, akan melonjakkan lagi peranan dan sumbangan Malaysia dalam konteks diplomasi dan hubungan antarabangsa," kata beliau.

Ujar beliau yang juga merupakan Penganalisis Politik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), sepanjang 2025, rakyat akan mendapat manfaat daripada pelbagai inisiatif atau program yang disusun secara langsung ataupun tidak. **17**



MOHD IZANI



AZMI

Kepengerusian ASEAN 2025

KETERLIHATAN ANTARABANGSA

“SEBAGAI Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia dilihat mampu meraih beberapa kelebihan antaranya dari segi keterlihatan antarabangsa dapat dipertingkatkan, mengukuhkan hubungan diplomatik serta peluang ekonomi,” kata Profesor Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, **Profesor Dr Abdul Rahim Abdul Samad**.

Beliau berkata dari segi keterlihatan antarabangsa, jawatan pengerusi menyediakan platform kepada Malaysia untuk mempamerkan kepimpinan, potensi ekonomi dan kepelbagaian budayanya di pentas global.

“Bagi hubungan diplomatik, ia membolehkan Malaysia mengukuhkan hubungan dua hala dengan negara anggota ASEAN lain dan rakan dialog utama serta memupuk kerjasama dan persefahaman.

“Selain itu, peluang ekonomi pula menyaksikan mampu menarik pelaburan asing dan menggalakkan perdagangan serta memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan.

“Malaysia juga dilihat boleh membentuk agenda serantau dan mengutamakan

isu penting kepada negara seperti pembangunan mampan, ekonomi digital dan keselamatan,” ujar beliau.

Tambah beliau, jawatan pengerusi juga membolehkan Malaysia memupuk perpaduan yang lebih erat dalam kalangan negara anggota ASEAN serta menggalakkan kerjasama dalam pelbagai isu.

“Malaysia boleh memacu inisiatif untuk memperkasakan integrasi ekonomi, seperti mengurangkan halangan perdagangan dan menggalakkan aliran pelaburan dalam rantau ini.

“Ia juga memberi peluang untuk menangani cabaran serantau yang mendesak seperti perubahan iklim, keganasan dan keselamatan maritim melalui tindakan kolektif,” ujar beliau.

Dalam masa sama, rakyat juga bakal mendapat limpahan ekonomi antaranya penciptaan pekerjaan terutamanya di kawasan luar bandar dan bandar yang menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran.

“Sektor PKS yang berkembang maju boleh merangsang pertumbuhan ekonomi dengan memacu inovasi, produktiviti dan eksport. Landskap perniagaan

yang pelbagai boleh memupuk persaingan, membawa kepada harga yang lebih rendah, produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan pilihan pengguna yang lebih baik.

“Selain itu, ia dapat memperkasakan kumpulan terpinggir seperti wanita dan belia dengan menyediakan peluang untuk keusahawanan dan bekerja sendiri.

“Ia menyumbang kepada komuniti tempatan melalui inisiatif sosial seperti kerja amal dan projek pembangunan komuniti. Malah dapat mengurangkan pergantungan terhadap pelaburan asing sekali gus menjadikan ekonomi lebih berdaya tahan terhadap kejutan luaran,” ujarnya.

Tambah beliau, Malaysia boleh meningkatkan lagi potensi ekonomi ASEAN dengan mengurangkan halangan perdagangan dengan mendesak pengurangan tarif dan halangan bukan tarif selanjutnya serta memudahkan aliran perdagangan yang lebih lancar

di rantau ini.

“Dalam masa sama, ia turut menggalakkan pelaburan langsung asing dan pelaburan dalam ASEAN yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan.

“Dari segi mengharmonikan piawaian dan peraturan dengan mengguna pakai piawaian dan peraturan biasa di seluruh negara anggota boleh menyelaraskan operasi perniagaan dan mengurangkan kos,” ujar beliau.

“Bagi pembangunan infrastruktur pula, melabur dalam infrastruktur pengangkutan dan logistik dapat meningkatkan kesalinghubungan dalam rantau ini dan memudahkan perdagangan.

“Kesalinghubungan rakyat di rantau ASEAN dengan mempromosikan pertukaran budaya, pendidikan dan pelancongan memupuk persefahaman dan kerjasama dalam kalangan negara anggota ASEAN,” ujar beliau. 



ABDUL RAHIM

Satu penghargaan luar biasa

PELANTIKAN sebagai Pengerusi ASEAN 2025 merupakan satu penghargaan luar biasa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (UM), **Dr Mohammad Tawfik Yaakub** berkata, negara-negara anggota juga yakin melihat kejayaan Anwar dalam menstabilkan politik tempatan.

“Ini setelah Malaysia melalui pelbagai fasa tidak menentu sehingga menjejaskan pelbagai aspek seperti kesukaran pemulihan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

“Malah kesungguhan beliau mengenal pasti peluang pelaburan menerusi lawatan kerja ke negara-negara luar dan komitmen pelaburan, persetujuan melabur yang

meningkat mendadak merupakan indikator penting yang mempengaruhi negara anggota memilih Malaysia untuk menerajui ASEAN,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia menggalas tugas mencabar sebagai pengerusi dan teraju ASEAN sebagai zon penempatan yang boleh meredakan ketegangan hubungan antarabangsa.

Tambahnya Malaysia juga boleh berperanan sebagai pusat pemulihan ekonomi serantau untuk membantu negara-negara jiran dalam ASEAN untuk bangkit selepas COVID 19.

Dalam pada itu, Tawfik berkata, ia menjadikan rantau ASEAN sebagai platform tumpuan pelabur antarabangsa, zon penempatan daripada terlibat dengan kuasa besar yang

berusaha untuk mencetuskan perang antara Barat dengan Rusia serta sekutu.

Beliau berkata, ini menjadikan ASEAN sebagai ‘Harimau Dunia’ yang disegani dan dihormati oleh pertubuhan dunia lain.

“Malaysia perlu menjadikan ASEAN sebagai tempat pergantungan antarabangsa dalam sektor pertanian misalnya menjadi ‘periuk nasi’ dunia dan menjadi penentu kepada keputusan besar antarabangsa disebabkan kekuatan menghasilkan sumber makanan penduduk dunia,” katanya.

Jelasnya, paling utama ialah penyatuan komitmen negara-negara ahli dalam menentukan *core business* yang boleh menjadikan nilai dagangan antarabangsa dan menjadi suara pendesak yang dihormati oleh semua pihak.

“Dalam konteks kepimpinan, Malaysia bakal memiliki pendokong yang kuat untuk memperjuangkan isu-isu

antarabangsa dan sejagat bagi mendapat penyelesaian drastik oleh pihak berkepentingan.

“Paling utama, Malaysia akan menjadi hab interaksi pelbagai aspek utama seperti ekonomi, pembangunan, pelancongan dan keadilan serantau menerusi ketokohan yang dimiliki Anwar,” katanya.

Tawfik berpandangan ASEAN sedang bangkit apabila Malaysia mengambil alih kepengerusian dengan kelebihan geostrategik dan populasi penduduk yang mempunyai kadar celik huruf yang tinggi.

Beliau berkata, ia seperti Kesatuan Eropah sekali gus berpengaruh besar dalam suara politik dunia.

“Malah diplomasi ASEAN yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri selaku teraju Malaysia yang tidak memihak kepada mana-mana blok kuasa besar dunia memudahkan rundingan, perbincangan dan penghormatan menerusi pendekatan tidak memihak yang berprinsip. 

FAEDAH EKONOMI

■ Malaysia boleh menarik pelaburan asing dan menggalakkan perdagangan di rantau ini, yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan.

■ Peningkatan integrasi serantau boleh membuka pasaran baharu untuk perniagaan Malaysia, khususnya PKS, meningkatkan eksport dan aktiviti ekonomi.

■ Persaingan yang meningkat dan halangan perdagangan yang berkurangan boleh menyebabkan harga yang lebih rendah untuk pengguna.

■ Pertumbuhan dan pembangunan ekonomi boleh membawa kepada taraf hidup yang lebih baik, termasuk penjagaan kesihatan, pendidikan dan infrastruktur yang lebih baik.



FAEDAH SOSIAL

■ Peningkatan kerjasama dalam kalangan negara anggota ASEAN boleh membawa kepada peningkatan keselamatan dan kestabilan di rantau ini, memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dan negara ASEAN yang lain.

■ Boleh menggalakkan pertukaran budaya dan persefahaman antara budaya yang berbeza, memupuk toleransi dan rasa hormat.



FAEDAH ALAM SEKITAR

■ Tumpuan Malaysia terhadap kemampanan boleh membawa kepada penggunaan amalan dan dasar mesra alam, memberi manfaat kepada alam sekitar dan generasi akan datang.

■ Peningkatan kerjasama mengenai perubahan iklim boleh membantu menangani cabaran yang ditimbulkan oleh perubahan iklim dan melindungi alam sekitar.



MOHAMMAD TAWFIK

Kepengerusian ASEAN 2025

KAMI HARGAI SUARA MALAYSIA

BERCAKAP mengenai pelantikan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN menjelang 2025, Duta Palestin ke Malaysia, **WALID ABU ALI** menzahirkan harapan cukup tinggi buat negara ini untuk terus mendukung perjuangan Palestin.

Selaku Pengerusi ASEAN, bagi Walid, sudah tentu suara Malaysia akan terus berkumandang di pentas dunia untuk meyakinkan masyarakat antarabangsa kepada sokongan terhadap Palestin, yang sudah memasuki tempoh cukup panjang diganyang rejim zionis.

Malah beliau melihat dunia seakan-akan hipokrit apabila mampu mencapai gencatan senjata antara Rusia dan Ukraine serta antara Israel dan Lubnan, namun hanya mampu berterusan menjadi penonton kepada kekejaman zionis di Gaza.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, Walid menyatakan penegasan mahu masyarakat antarabangsa bersatu hati menekan zionis dan mengheret Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu dan bekas Menteri Pertahanan Israel, Yoav Gallant ke muka pengadilan.

Bagaimanakah Palestin melihat potensi pengaruh Malaysia di ASEAN dalam menangani isu-isu global, terutamanya isu Palestin, semasa kepimpinannya pada 2025?

Saya mulakan dengan mengesahkan pendirian Malaysia dan sokongannya terhadap Palestin tidak boleh dipersoalkan. Sebagai Duta, saya mengharapkan semua negara Islam dan Arab terus menyokong perjuangan Palestin, seperti ditunjukkan Malaysia. Di antara negara-negara Islam dan Arab, Malaysia konsisten menolak sebarang hubungan diplomatik dengan Israel, selagi mana hak-hak Palestin dan negara Palestin yang merdeka itu tidak diiktiraf. Ini satu penghargaan yang kami banggakan.

Pada 2025, Malaysia akan mengambil alih Kepengerusian ASEAN. Kami tidak meminta Malaysia melakukan lebih daripada apa yang mereka lakukan sekarang, tetapi kami berharap Malaysia menggunakan pengaruhnya meyakinkan negara-negara yang mungkin malu atau ditekan, untuk menyokong perjuangan Palestin. Dalam kalangan ASEAN, ada yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel dan mereka cuba untuk bersikap neutral. Malaysia boleh menggunakan pengaruhnya dalam meningkatkan sokongan terhadap perjuangan keadilan Palestin. Dan sudah tentu, jika kita mengikuti Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaannya, serta ucapannya di Riyadh, di Kaherah, penyertaannya di Lima, mesej Malaysia jelas. Beliau mahu komuniti antarabangsa berlaku adil terhadap Palestin dan mengenakan sekatan ke atas Israel di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Apakah langkah yang boleh diambil Malaysia untuk memastikan nasib Palestin kekal menjadi keutamaan dalam perbincangan antarabangsa?

Bukan setakat ASEAN, tetapi dalam forum Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM),

Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), PBB, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), Malaysia boleh memainkan peranan yang kuat dengan mempengaruhi dunia bersolidariti terhadap Palestin. Apatah lagi dengan pengaruh Malaysia untuk dunia mendukung keputusan terbaharu ICJ mengheret Netanyahu dan Gallant serta semua kepimpinan ketenteraan Israel ke muka pengadilan.

Negara-negara yang menyokong perjuangan Palestin boleh mengambil tindakan serius terhadap Israel jika mereka meneruskan pembunuhan beramai-ramai terhadap rakyat Palestin.

Sejak kekejaman dilakukan zionis pada 7 Oktober 2023, komuniti antarabangsa gagal menghentikan kekejaman Israel. Jumlah korban dalam kalangan rakyat Palestin semakin meningkat, terutamanya di Gaza. Di Tebing Barat, peneroka haram Israel terus menyerang Masjid Al-Aqsa, merampas wilayah Palestin dengan sokongan polis dan tentera Israel.

Bagaimana dengan sikap masyarakat antarabangsa?

Serangan Israel terhadap Lubnan, menurut media, mereka hampir mencapai gencatan senjata. Ini menunjukkan jika mereka berjaya mencapainya dan perjanjian damai dengan Lubnan, dari perspektif kami sebagai rakyat Palestin, ini akan meninggalkan Gaza sendirian dan membiarkan Palestin berjuang sendiri dalam menghadapi genosid Israel. Jadi jika mereka berjaya, mengapa mereka gagal mencapainya di Gaza dan seluruh wilayah Palestin?

Jika komuniti antarabangsa mampu menekan Rusia dan Ukraine, mengapa mereka tidak boleh melakukan perkara sama dalam isu melibatkan Palestin? Secara keseluruhan langkah-langkah dua darjat ini meninggalkan Palestin dan rakyat Palestin sendirian sementara komuniti antarabangsa terus menyaksikan pembunuhan rakyat Palestin yang tidak bersalah.



Hampir 75 peratus penduduk Gaza terpaksa meninggalkan kediaman mereka dan dengan cuaca sejuk ketika ini, mereka menderita dan menjadi gelandangan.

Apakah kepentingan ASEAN kepada Palestin?

Bagi saya ASEAN, kebanyakan pandangannya tertumpu kepada forum ekonomi. Dengan kepimpinan Malaysia, negara-negara ASEAN boleh mengambil peluang ini untuk menghentikan pelanggaran undang-undang antarabangsa yang berterusan di wilayah Palestin. Ada negara ASEAN mempunyai hubungan baik dengan dunia barat terutamanya Amerika Syarikat dan Eropah. Mereka boleh memainkan peranan atau menjadi pengantara, gunakan pengaruh untuk bersama menyokong Palestin.

Bagaimana hasil yang dizahirkan pada Sidang Kemuncak Arab-Islam baru-baru ini untuk menyokong Palestin?

Secara teorinya hasil sidang kemuncak ini adalah sangat baik. Namun adakah cadangan atau resolusi yang dihasilkan daripada sidang kemuncak ini boleh dilaksanakan? Adakah ia akan menemukan satu mekanisme untuk mempunyai satu gerakan antarabangsa melaksanakan resolusi tersebut di lapangan? Adakah komuniti antarabangsa secara amnya akan menyokong pelaksanaan resolusi ini?

Mesej Malaysia, mesej dibawa Anwar adalah jelas, mari kita ambil tindakan dengan mendakwa Israel dan menghentikan bekalan peralatan ketenteraan kepada Israel. Komuniti antarabangsa boleh mengambil tindakan serius, tetapi adakah mereka akan

melakukannya? Itulah soalan yang perlu dijawab.

Setakat ini Israel di bawah Netanyahu langsung tidak mengendahkan resolusi daripada sidang kemuncak itu. Mereka terus melakukan apa sahaja yang mereka mahu terhadap Palestin. Jadi dari sudut pandang Israel, resolusi ini tidak bermakna.

Apakah keutamaan kami? Pertamanya adalah menghentikan kekejaman Israel, mendesak komuniti antarabangsa menekan Israel menghentikan serangan demi serangan terhadap rakyat Palestin yang tidak bersalah.

Keduanya, memudahkan koridor kemanusiaan bagi membolehkan bantuan sampai kepada mereka yang memerlukan di Gaza. Ketika ini Israel mengawal kuantiti bantuan untuk sampai ke Gaza. Rafah telah ditutup sepenuhnya. Sebahagian daripada bantuan ini telah tamat tempoh kerana terhalang lama untuk dihantar ke Gaza. Menjadi tanggungjawab semua penyedia bantuan kemanusiaan memberi tekanan kepada Israel bagi membolehkan bantuan sampai kepada penerima yang sepatutnya mendapat manfaat di Gaza.

Apakah cabaran utama dalam menyampaikan bantuan kemanusiaan ke Gaza?

Melalui semua institusi antarabangsa, melalui negara jiran, Mesir dan Jordan, saya tahu mereka sedang berusaha semaksimum mungkin. Kami masih melihat negara jiran boleh memainkan peranan dan memudahkan lebih banyak bantuan kemanusiaan masuk ke Gaza. Cuaca di Gaza ketika ini sangat buruk. Malah khemah-khemah yang menampung rakyat Palestin, banyak yang rosak akibat angin kencang. Hujan lebat

serta banjir di Gaza menyebabkan penderitaan yang lebih besar.

Pintu Rafah ditutup, jadi bagaimana proses bawa masuk bantuan-bantuan kemanusiaan?

Ada tiga pintu lain tetapi semuanya berada di dalam kawasan Israel. Sejak pintu Rafah ditutup, Israel mengawal jenis bantuan yang boleh dibawa masuk ke Gaza.

Israel menggunakan Hamas dan Hezbollah sebagai alasan menyerang Gaza. Benarkah?

Strategi Israel ini, mereka menggunakan kebuluran sebagai hukuman kepada rakyat Palestin. Itu mentaliti mereka. Mereka percaya jika rakyat Palestin berterusan menderita, kebuluran, itu membolehkan mereka mencapai matlamat. Tetapi untuk tempoh lebih setahun ini, Israel gagal mencapai objektif mereka. Propaganda mereka kepada barat adalah mahu membebaskan tahanan Palestin tetapi apakah mereka melakukannya? Tidak. Propaganda mereka mahu menyerang Gaza atas alasan Hamas, apakah mereka berjaya mengekang Hamas? Tidak.

Mesej utama ingin disampaikan Palestin kepada Malaysia?

Teruskan menyokong perjuangan Palestin. Malaysia boleh memainkan peranan positif dalam ASEAN, OIC, NAM dan semua forum meyakinkan mereka yang selama ini mempersoal sokongan terhadap Palestin untuk terus mendukung perjuangan kita. Mesej saya kepada rakyat Malaysia, mereka pasti akan datang, lambat-laun, kita akan menyambut mereka datang ke Palestin yang merdeka, kita akan bersolat bersama di dalam Masjid Al-Aqsa, insya-Allah. 

LAWATAN 11 HARI BUKAN OMONG KOSONG

TIDAK habis-habis dengan fitnah dan rasa ego tidak mahu menerima kehebatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Baru-baru ini Anwar menyifatkan lawatan beliau ke Mesir, Arab Saudi, Peru dan Brazil bermula 9 November lepas, menyerlahkan semula sinaran Malaysia di persada dunia.

Nampaknya segelintir netizen sedang 'panas punggung' dan tidak boleh terima hakikat yang pemimpin utama negara kita itu sedang membawa Malaysia ke satu fasa yang lebih tinggi.

Bukan itu sahaja, dituduh pula Anwar berjalan-jalan ke negara-negara luar itu hanya untuk keseronokan peribadi dan tidak memberi apa-apa faedah kepada negara.

Buktinya, menerusi hantaran di Facebook, Anwar berkata lawatan sepanjang 11 hari itu penuh bermakna tatkala Malaysia terus melangkah dengan keyakinan dan penuh tawaduk.

Beliau berkata, lawatan berkenaan antaranya bagi memenuhi undangan rasmi dan pertemuan dengan rakan-rakan sejawatan dari 19 negara telah mengeratkan hubungan antarabangsa dan membuka jalan kepada peluang baharu untuk kemakmuran rakyat dan negara ketika landskap geopolitik dunia sarat dengan ketidakpastian.

"Dalam pelbagai pertemuan rasmi dan dialog itu, usaha tertumpu kepada aspek memantapkan kerjasama dalam pelaburan, perdagangan dan inisiatif bersama yang bermanfaat dan dirasai oleh rakyat khususnya serta komuniti ASEAN amnya.

"Apa yang paling berharga bukanlah semata-mata pencapaian atau perjanjian yang termeterai, tetapi semangat kebersamaan dan



SELEPAS lawatan kerja selama 11 hari, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim Selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang baru-baru ini.

sikap masyarakat antarabangsa yang mengambil serius pandangan Malaysia, sebuah negara yang sentiasa tegas mendukung nilai keinsanan, keadilan, menjulang kecemerlangan serta inklusif," kata beliau.

Menerusi hantaran sama, Anwar berazam mahu terus mengangkat martabat rakyat.

"Saya dan pasukan juga sedang merangka persiapan menerima kunjungan rasmi barisan pemimpin utama dari pelbagai negara pada Disember nanti, insya-Allah.

"Doakan agar setiap usaha ini terus diberkati dan menjadi asas trajektori baharu masa depan yang lebih cerah untuk Malaysia. Saya

dan pasukan kerajaan MADANI akan terus mendengar, berkhidmat dan mengangkat darjat serta martabat rakyat dan negara di persada dunia," ujarnya.

Sebelum ini, Anwar juga pernah menjelaskan kepada rakyat bahawa Malaysia kini semakin mendapat perhatian dunia termasuk negara maju menyatakan hasrat meningkatkan hubungan diplomatik, perdagangan dan pelaburan.

"Saya lihat suara kita, pandangan kita umpamanya, banyak negara yang minta supaya hubungan ditingkatkan, mengundang kita ke sana dan telah menyatakan keinginan mereka untuk melawat Malaysia.

"Ini termasuk Presiden Perancis, Emmanuel Macron dan Presiden Afrika Selatan, Cyril Ramaphosa, semua menyatakan bahawa awal tahun depan mereka berhasrat untuk datang ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media akhir bersama media Malaysia yang membuat liputan sempena lawatan sulung beliau ke Brazil dan menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 20 (G20) di Rio de Janeiro, Brazil.

Cukup-cukuplah memfitnah negara semakin ke belakang sejak pemerintahan kerajaan MADANI. Semakin dihina, semakin hebat pandangan orang luar kepada Perdana Menteri kita. 🇲🇾

Tidak guna dana syarikat swasta

BARU-BARU ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dituduh kononnya cuba mendekati rasuah, mempunyai kepentingan peribadi dan menggunakan kuasa yang ada padanya sesuka hati.

Padahal Anwar menegaskan beliau tidak menggunakan dana syarikat swasta untuk membiayai lawatan kerjanya ke empat negara sebelum ini.

Malah usaha ini sepatutnya dibanggakan kerana ini adalah usaha Perdana Menteri menggunakan pendekatan lain di bawah pentadbirannya untuk memastikan perbelanjaan bagi membiayai lawatan rasmi ke luar negara diuruskan dengan secekap mungkin.

Kenyataan Anwar itu menimbulkan bantahan serta

kritikan pelbagai pihak termasuk pemimpin pembangkang, yang mendakwa kemungkinan wujud perselisihan kepentingan di atas pembiayaan oleh syarikat swasta itu. Anwar sebaliknya menjelaskan, kerajaan membelanjakan RM1.6 juta, menggunakan dana kerajaan kerajaan sepenuhnya.

"Saya tidak guna dana syarikat swasta. Kerajaan guna Penerbangan MAS untuk lawatan empat negara dengan kos RM1.6 juta. Ini guna wang kerajaan sepenuhnya.

"Baki tempat duduk ditawarkan kepada syarikat swasta yang sememangnya akan pergi ke negara-negara terbabit untuk tujuan pelaburan atau usaha sama," katanya menerusi X.

la bagi menjawab tuduhan

sebuah badan bukan kerajaan (NGO), C4 kononnya kerajaan mestilah sentiasa berwaspada dalam memastikan tidak terhutang budi kepada pihak-pihak korporat supaya kepentingan awam dapat diutamakan.

Tuduhan berkenaan disiarkan di sebuah portal pro-pembangkang yang terkenal dengan menyiarkan kenyataan atau berita menyerang kerajaan biarpun telah dijelaskan dengan panjang lebar.

Penjelasan Anwar Ibrahim bagi menjawab tuduhan C4 yang disiarkan di sebuah portal pro-pembangkang, baru-baru ini.

Tambah Anwar lagi, syarikat swasta ini membayar kos masing-masing berjumlah RM4.5 juta.

"Jika guna jet eksekutif kerajaan, kos perlu ditanggung kerajaan


adalah RM2.5 juta untuk empat negara. Namun dengan perkongsian ini, kos untuk kerajaan hanya RM1.6 juta.

"Saya ulang, kerajaan tidak guna dana syarikat swasta. Tiada perselisihan kepentingan. Usah terperangkap dalam fitnah zaman edan," katanya.

Anwar sewaktu sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat minggu lalu memaklumkan kos sekitar 70 hingga 80 peratus yang dibelanjakan membabitkan perjalanan dan lawatan rasminya ke empat negara dibayar oleh syarikat swasta yang turut mengikuti urusan itu.

Terdahulu, Anwar mengadakan lawatan ke Mesir, Arab Saudi, Peru dan Brazil bermula 9 November lalu.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

23/11-23/12/24: Pameran Jejak Beribu Tahun @ Balai Seni Negara

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara

1/1/25: KL New Year Run 2025 @ Dataran Merdeka, KL

11-12/1/25: KLPJ Wedding Fair @ KLCC



PUTRAJAYA

30/11/24: Ultron® Putrajaya Night Half Marathon @ Anjung Floria

8/12/24: Program Keusahawanan Celik Niaga @ Auditorium Tun Azizan Zainal Abidin @ Perbadanan Putrajaya

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

30/11-1/12/24: Karnival Pendidikan & Kerjaya Peringkat WP Labuan @ Ujana Kewangan

30/11/24: Program CSR @ Labuan Autism Care Centre

28/12/24 - 1/1/25: Labuan Ambang 2025 Open Fours @ Arena Boling Padang Antarabangsa Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

HOI HOI YA HOI TIDAK MAKAN DIRI

DARIPADA anak seni dan kini bergelar Yang Berhormat (YB), Altimet atau nama sebenarnya **SYED AHMAD SYED ABDUL RAHMAN** semakin mangli atau kalis dengan sepak terajang dunia politik. Biarpun digasak pelbagai sindiran mahupun kritikan, terutama dipermainkan pihak lawan susulan lagu Hoi Hoi Ya Hoi nyanyiannya semasa kempen pilihan raya sebelum ini, itu semua tidak meninggalkan kudis pada dirinya.

Malah beliau terus menumpukan usaha memperbaiki taraf hidup rakyat selepas dipilih

sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya, khususnya golongan belia.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, YB Altimet menegaskan mahu kerja kuat demi mewujudkan Malaysia dan Selangor yang lebih baik untuk anak-anak masa depan.

Dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) tahun lalu, beliau menang kerusi DUN Lembah Jaya dengan majoriti 6,678 undi. Beliau menjadi selebriti kedua bergelar wakil rakyat selepas pelakon, Dira Abu Zahar di DUN Rim, Melaka.



ALTIMET meluangkan masa memeriahkan Program Hi-Tea Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Tasik bersama pelajar-pelajar pendidikan khas integrasi.

Apakah cabaran YB selaku wakil rakyat? Atau memang YB sudah terbiasa dengan kerja-kerja mendepani isu-isu rakyat sebelum ini?

Antara cabaran yang ketara bagi saya apabila menggalas tugas wakil rakyat ialah cara kita bekerja. Selepas menjadi wakil rakyat di negeri yang majmuk, pesat dan membangun ini, ia melibatkan lebih banyak mesyuarat untuk saya hadiri, pelbagai urusan surat-menyurat dalam segala perkara selain protokol tertentu, semuanya demi membangunkan lagi Selangor dengan lebih baik.

Kalau satu masa dulu saya merasakan cara bekerja ini melambatkan peta laluan objektif, namun sekarang saya melihat keperluannya terutama dalam kerangka tatakelola pentadbiran.

Apabila menyebut nama Altimet, orang dalam lapangan politik mengaitkan YB dengan lagu Hoi Hoi Ya Hoi. Kalau di pihak pembangkang, mereka mengatakan lagu itu 'makan diri'

YB. Apa pandangan YB mengenai perkara itu?

Lagu-lagu dalam genre hip hop secara umumnya menceritakan apa sahaja yang dilihat oleh penulis. Lagu tersebut ditujukan kepada mereka yang melakukan dan menyokong amalan jijiknya rasuah serta penyelewengan.

Untuk itu saya yakin, saya bukan tergolong dalam kelompok sebegini.

Oleh yang demikian, pada hemat saya, ia tidaklah 'makan diri' saya sendiri seperti diperkata ramai.

Apa isu yang diperjuang YB ketika sidang Dewan Undangan Negeri (DUN)? Atau apa isu yang menjadi keutamaan YB, bukan sahaja untuk kesejahteraan penduduk di Lembah Jaya sebaliknya seluruh Selangor?

Ketika di persidangan DUN, yang terbaru ini saya membawa isu berkenaan masyarakat menua. Tambahan pula Malaysia sudah diramal menjadi negara tua menjelang 2030. Kita perlu bertindak sekarang.

Selain itu isu-isu menangani dan memanfaatkan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) yang kini menjadi fokus utama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam membawa negara ini ke era negara maju.

Namun di sebalik segalanya ini, paling utama, saya ketengahkan cabaran-cabaran atau isu melibatkan peluang pekerjaan yang berterusan dihadapi golongan belia, anak muda yang menjadi aset utama kita.

Apabila sudah bergelar wakil rakyat, bagaimana karier dalam dunia hiburan? Seimbang atau sebaliknya?

Kalau menyentuh mengenai karier seni, sebenarnya saya sudah berhenti menghiburkan orang ramai sejak lima tahun lepas.

Anak muda aset negara. Apa yang YB lakukan, khususnya di DUN Lembah Jaya, membangunkan anak muda, dari aspek keusahawanan, pendidikan mahupun isu-isu sahsiah diri?



KETIKA menyampaikan sumbangan kasih dari kerajaan negeri Selangor kepada penerima di Desa Pinggiran.

Anak muda atau belia sudah tentu menjadi fokus utama saya. Sebagai contoh, untuk usahawan muda, kita ada program bimbingan bagi mereka yang berminat dalam pinjaman mikro di bawah program Hijrah Selangor. Kami juga ada perancangan menganjurkan kursus keusahawanan asas bagi yang berminat. Ada juga rancangan dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk mewujudkan Anugerah Sahsiyah bagi pelajar yang akan meninggalkan alam persekolahan. Saya percaya sahsiah dan adab merupakan 'soft skill' atau kemahiran insaniah yang akan banyak menolong belia di alam pekerjaan nanti.

Sudah selesai atau 'semakin selesakah' penduduk di DUN Lembah Jaya dengan isu-isu air, banjir kilat, isu pengangkutan awam, kesesakan, yang YB hendak perjuangkan sebelum ini?

Saya rasa makin baik, baru setahun jagung saya berkhidmat. Seperti kawasan lain, ada isu-isu yang mengambil masa lama untuk menjadi cabaran yang kian rumit. Jadi ia memakan masa untuk ditangani.

Ada juga beberapa isu yang berkait dengan pembinaan skala Persekutuan seperti Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE). Isu-isu ini hanya boleh dimulakan kerjanya setelah projek tersebut siap.

YB dan Selangor FC serta Faisal Halim. Apa pandangan YB mengenai pasukan tersebut dan pemain bola sepak negara itu dan isu-isu yang membelenggu sebelum ini?

Secara peribadi, inilah (Selangor FC) pasukan terunggul sepanjang zaman dan boleh mengalahkan semua pasukan lain di dunia ini.

Mengenai isu-isu yang ada (yang terkait dengan pasukan dan pemain), tidak perlu ia dijadikan sebab memecahbelahkan sesuatu

yang telah terbukti menyatukan.

Apa pandangan YB terhadap pertikaian sesuatu isu yang berlaku membabitkan parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan?

Dalam pengalaman saya di industri kreatif, keusahawanan dan hiburan, apa sahaja yang kita lakukan boleh dan akan dipertikaikan. Salah faham, diskusi dan pertukaran idea juga lumrah apabila bekerja dalam pasukan, apatah lagi bila bersaiz besar, termasuk dalam dunia politik dan kepartian.

Saya yakin semua wakil rakyat, ada 222 orang di Dewan Rakyat, khususnya 56 orang di DUN Selangor, mereka juga mahu yang terbaik untuk Persekutuan dan negeri. Bukan sesuatu yang menghairankan, bila takrif apa yang terbaik itu berbeza, apatah lagi dalam satu kumpulan majmuk yang kita kenal sebagai Malaysia ini.

Berbalik kepada isu hiburan, pada pandangan YB, industri seni tanah air boleh berkembang lebih maju, dengan syarat?

Industri hiburan akan berkembang, dengan apa syarat yang wujud atau tidak. Ia lahir daripada pendekatan insan-insan kreatif dan permintaan penggemar hiburan.

Apa misi dan visi YB sebenarnya dalam politik? Apa yang YB hendak lihat dalam tempoh lima hingga 10 tahun mendatang?

Misi saya secara amnya ialah bertekad untuk mewujudkan Malaysia dan Selangor yang lebih baik untuk anak cucu saya, untuk masa depan anak muda.

Secara khusus di Lembah Jaya ialah untuk menjadikan kawasan ini menerajui Selangor dari segi kualiti hidup untuk segala lapisan masyarakat. 



MAIMUNAH (tiga kiri) berkongsi kejayaan DBKL dalam beberapa inisiatif ke arah bandar hijau dan mampan.

Pejabat neutral karbon

PEMASANGAN panel solar photovoltaic (PV) pada tiga bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mencatat pengurangan 10 hingga 15 peratus dalam bil elektrik antara Januari dan Oktober 2024.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif** berkata, pengurangan dalam penggunaan elektrik tersebut menunjukkan pihaknya telah menyumbang kepada pelepasan karbon yang lebih rendah sekali gus mencerminkan komitmen amalan mampan.

"Inisiatif ini mempamerkan usaha nyata kami untuk membantu pemilik bangunan di Kuala Lumpur mengubah landskap bangunan mereka. Saya menyeru semua pemilik perniagaan di sini untuk mencontohi usaha ini demi menjadikan premis pejabat neutral karbon," katanya ketika berucap

pada Forum Pelaburan Bandar Hijau (GCIF) 2024 di ibu negara.

Menurutnya, DBKL sebelum ini telah menerbitkan Pelan Pengurusan Tenaga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2050 untuk mempercepatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

"Pelan itu juga memanfaatkan kecekapan tenaga di lebih 27 bangunan miliknya dan berpotensi untuk mengurangkan jejak karbon bandar sehingga 180,000 tan pelepasan CO2 dalam tempoh 25 tahun," katanya.

Maimunah berkata pihaknya komited untuk meletakkan ibu negara sebagai model untuk pertumbuhan bandar hijau menerusi lima bidang tumpuan dan 15 program perdana.

"Kuala Lumpur yang hijau dan berdaya tahan menjadi ciri utama visi saya untuk Kuala Lumpur serta Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur

2050 untuk memenuhi aspirasi untuk menjadi bandar neutral karbon menjelang 2050.

"DBKL sedang giat berusaha untuk meningkatkan daya tahan, mengurangkan pelepasan karbon serta mewujudkan ruang inklusif yang memberi manfaat kepada warga kota," katanya.

Beliau percaya bahawa kawasan terbuka awam dan kawasan hijau dapat membantu mempromosikan kesejahteraan masyarakat.

"Pada masa ini, kami mempunyai lebih 16 taman awam, lebih 400 taman rekreasi termasuk taman kejiranan, 25 taman poket dan banyak kawasan lapang lain termasuk plaza dan kawasan tepi sungai.

"Memandang ke hadapan, rancangan kami adalah pembangunan 110 kawasan lapang dan 10 taman poket akan diwujudkan dalam masa terdekat," katanya. 

Cabaran kekal identiti budaya

PEMBANGUNAN bandar raya masa kini menghadapi cabaran paling ketara terhadap identiti budaya berikutan perluasan kawasan yang tidak terkawal yang menjadi ciri sebahagian besar terhadap pembangunan kota moden, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif turut menjelaskan bahawa ciri berkenaan telah menyebabkan kawasan bandar membosankan dan berlaku polarisasi masyarakat yang ketara.

"Ia turut menyebabkan pembaziran sumber dan mengganggu ekosistem sekali gus menggantikan karakter unik kawasan kejiranan yang ruang generik dan homogen," katanya ketika menyampaikan ucap tama di dalam Forum Antarabangsa UIA2024KL di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Katanya, semua pihak mesti membayangkan bandar raya yang berdaya tahan, infrastruktur yang menyokong keterangkuman dan ketersambungan di setiap peringkat untuk mengekalkan identiti budaya.

"Model seperti 'Bandar 15 minit' di mana perkhidmatan penting berada dalam jarak

berjalan kaki yang singkat atau berbasikal dan kami menawarkan pelan tindakan bukan sahaja untuk kebolehdiaman dan kemampanan tetapi juga untuk mengekalkan komuniti dan identiti unik yang utuh," katanya.

Jelas Maimunah, melalui perancangan sebegini, semua pihak boleh mewujudkan bandar yang menyokong perpaduan sosial, kesihatan awam dan kebolehcapaian sambil membenarkan kejiranan untuk mengekalkan identiti budaya mereka yang unik.

"Sambil kita berusaha untuk membayangkan semula bandar, keterangkuman mesti menjadi teras wawasan kita. Kemampanan bandar yang sebenar bermakna tiada siapa yang ketinggalan dan bandar harus mencerminkan keperluan dan aspirasi semua rakyat.

"Saya telah melihat secara langsung bagaimana pemeliharaan daerah warisan boleh memperkaya keterangkuman. Kawasan yang penuh dengan sejarah dan budaya kepentingan boleh menjadi ruang yang mengalu-alukan semua dan menawarkan sambungan kepada masa lalu yang memperkayakan masa kini," katanya. 

Operasi kunci air bermula Disember

TUNGGAKAN CECAH RM31.5 JUTA

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) akan melaksanakan operasi kunci air berikutan jumlah tunggakan sewaan yang semakin meningkat.

Pengarah JPKKB, **Zulkifli Muhamad** berkata, sebahagian besar penyewa yang sedang menyewa mempunyai tunggakan sewa yang banyak sehingga membebaskan DBKL untuk mengurus kawasan PPR dan PA di seluruh Kuala Lumpur.

"Sehingga 31 Oktober 2024, tunggakan penyewa aktif telah mencecah RM31.5 juta yang dijangka akan semakin meningkat sekiranya tiada tindakan tegas diambil.

"Kami memandang serius isu tunggakan ini yang menyebabkan kutipan sewa semakin merosot. Keadaan ini juga akan menimbulkan rasa tidak puas

hati dan tidak adil kepada penyewa yang bertanggungjawab membayar sewa secara konsisten setiap bulan," katanya kepada Wilayahku di pejabatnya pada Isnin.

Menjelas lanjut, Zulkifli berkata, selaras dengan Klausa 9 Perjanjian Penyewaan Rumah DBKL yang menyatakan Datuk Bandar boleh melaksanakan tindakan memotong bekalan air sekiranya penyewa mempunyai tunggakan sewa, pihaknya akan melaksanakan Task Force Culas Sewa iaitu tindakan memotong bekalan air ke atas unit penyewa yang ada tunggakan sewa.

"Task Force Culas Sewa akan mula dilaksanakan pada Disember 2024 di beberapa kawasan PPR yang mempunyai jumlah tunggakan tertinggi iaitu RM663,398.70 dengan 222 penyewa bertunggakan tiga bulan dan ke atas.

"Task force ini akan diperluaskan



TUNGGAKAN sewa menyebabkan DBKL perlu menanggung kos mengurus yang meningkat setiap tahun.

di kawasan PA/PPR DBKL bagi menjejaki penyewa yang masih culas membayar sewa dan tunggakan," katanya.

Zulkifli berkata, sebelum mengambil tindakan berkenaan, pihaknya telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif

termasuklah daripada menyantuni sehingga tindakan undang-undang.

"Hebahan, makluman, lawatan ke unit-unit bertunggakan sewa, sesi bersemuka telah diadakan sebagai menyantuni penyewa untuk menjelaskan tunggakan, notis-notis tunggakan juga dikeluarkan sebagai

peringatan.

"Semua tindakan yang dilaksanakan sebagai memberi ruang dan peluang kepada golongan bertunggakan ini untuk tampil berunding bagi menstrukturkan bayaran tunggakan," katanya.

Menurut Zulkifli, pihaknya turut memberi ruang dan peluang kepada penyewa bertunggakan untuk menjelaskan tunggakan sewa melalui Notis Tunggakan Kunci Air yang dikeluarkan dan seterusnya mengadakan sesi bersemuka sebelum pelaksanaan Task Force Culas Sewa.

"Mana-mana penyewa yang mempunyai tunggakan, mereka perlu tampil segera untuk berunding dan seterusnya menjelaskan tunggakan sewa sebelum Task Force Culas Sewa dilaksanakan.

"Setelah diberi ruang dan peluang berunding tetapi masih lagi culas, DBKL akan mengambil tindakan memotong bekalan air yang pasti lebih menyulitkan penyewa dan urusan penyewaan di mana Perjanjian Penyewaan berisiko untuk ditamatkan," katanya. 



ZULKIFLI



BASIR (kanan) dan Azman (kiri) mengiringi Azizah (dua kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima ketika ziarah kasih yang diadakan baru-baru ini.

Kunjungan Ziarah Kasih MADANI

WAN AZIZAH SANTUNI RAKYAT

METRA SYAHRIL MOHAMED

“SAYA baru sahaja dibenarkan keluar hospital selepas menjalani pembedahan di bahagian usus. Sudah dua bulan, nak makan pun tak berapa selera.”

Demikian jelas Zakaria Abdul Aziz, 83, warga emas yang derita sakit usus ketika ditemui Wilayahku dalam Program Ziarah Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di kediamannya di Kampung Malaysia Tambahan, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Biarpun begitu, Zakaria yang mesra disapa Pak Ya, reda dengan ujian Allah SWT dan menunggu hari untuk bertambah sihat.

“Kalau sudah sihat nanti saya nak uruskan kebun di belakang rumah. Saya ada tanam pokok bendi dan serai. Dapatlah gerak-gerakan sedikit badan ini,” katanya sambil ditemani isteri, Noraini Abdul Hamid, 70.

Pak Ya yang memiliki 11 anak merupakan bekas Pengerusi Masjid Jamek Ibnu Khaldun, Sungai Besi

dan berterima kasih kepada Dr Wan Azizah yang menziarahi keuzuran yang dialaminya ketika ini.

Isteri kepada Perdana Menteri itu turut meluangkan masa menziarahi Abdul Kareem Said Khadaied yang mana kediamannya di Alam Damai mengalami kebakaran.

Beliau yang juga Ahli Parlimen di kawasan tersebut kemudiannya menziarahi Nur Hidayah Nur Azmin yang merupakan ibu tunggal di Bandar Tun Razak (BTR) dan turut berdepan dugaan masalah kesihatan.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed** berkata pihak YWP turut berkesempatan menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai kepada tiga buah keluarga terpilih pada Kunjungan Ziarah Kasih MADANI.

“Semoga sumbangan dan bantuan yang diberikan sedikit sebanyak dapat meringankan beban hidup yang ditanggung oleh mereka. Semoga Allah memberkati segala usaha kita dan dilimpahi dengan segala kebaikan di dunia dan akhirat,” katanya.

Terdahulu, program ziarah ini turut mendapat sokongan dan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), YWP, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan beberapa agensi lain yang memandang serius isu kebajikan serta keperluan masyarakat.

Turut hadir Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin; Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Rohani Hussin dan Pengurus Kanan Jabatan Komunikasi Strategik & IT YWP, Datin Ida Harlina Ikhwani Nasir. **17**

Hargai seni pentas

AKADEMI Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) kekal teguh dengan misinya untuk memelihara dan mempromosikan seni, budaya dan warisan Malaysia.

Justeru sebagai sebahagian daripada Sambutan Jubli Mutiara Ulang Tahun Aswara Ke-30, ASWARA mempersembahkan kebangkitan semula Sakti Merong Mahawangsa, sebuah epik legenda yang menjanjikan sejarah baharu dalam dunia seni teater Malaysia.

ASWARA dalam satu kenyataan berkata, persembahan teater muzikal itu bertujuan untuk mengangkat nilai seni dan warisan negara kepada masyarakat kini.

“Sakti Merong Mahawangsa menghidupkan kisah Raja Merong Mahawangsa, seorang tokoh yang dikenang kerana keberanian, ketabahan dan kesetiaannya dalam menubuhkan Kedah Zamin Turan, kini dikenali sebagai Kedah.

“Pementasan ini mengisahkan misi Merong untuk menyatukan Putera Rom dan Puteri China menentang kehendak Sang Geroda yang gagah perkasa,

diakhiri dengan pertempuran epik keberanian dan kuasa sakti. Kisah ini ditutup dengan keamanan yang dipulihkan dan kelahiran Kedah sebagai tanah makmur dan bersatu,” katanya.

Tambahnya hikayat epik ini menampilkan barisan tenaga alumni, pensyarah dan pelajar ASWARA.

“Menerusi teater ini, kita menampilkan lebih 100 bakat termasuk nama-nama terkenal seperti Najua P. Ramlee, Hairi Safwan, Fadhli Masoot, Aris Kadir, Fiza Thomas, Ezdianie Hayatie, Saiful Wazien, Amirul Hakim dan Reza Mohamed.

“Kami percaya bahawa Teater Muzikal Sakti Merong Mahawangsa wajar diketengahkan kerana ia bukan sahaja memaparkan bakat seni tempatan tetapi juga menyatukan masyarakat untuk menghargai seni pentas,” ujarnya.

Terdahulu, Teater Muzikal Sakti Merong Mahawangsa telah diadakan bertempat di Pusat Seni Persembahan Kuala Lumpur (KLPA), 8.30 malam pada 22 November lalu. **17**



SEKITAR persembahan teater muzikal yang diadakan baru-baru ini.

Simbolik sejarah diplomatik 50 tahun



ANTARA koleksi pameran yang terdapat di Balai Seni Negara.

BERSEMPENA meraikan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Balai Seni Negara mengadakan Pameran Batu Jed: Jejak Beribu Tahun Menuju Kemakmuran Yang Abadi.

Balai Seni Negara (BSN) dalam kenyataannya berkata, pameran tersebut dibawa oleh Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia.

“Sebagai negara ASEAN pertama yang menjalin hubungan diplomatik dengan China, Malaysia telah memainkan peranan penting sebagai jambatan budaya serta memperkukuh hubungan budaya dan sejarah antara kedua-dua negara.

“Pameran ini merayakan keakraban hubungan Malaysia-China dengan menggabungkan warisan budaya, memupuk penghormatan mendalam terhadap seni tradisional serta menggambarkan keindahan dan keharmonian dalam pertukaran budaya yang telah terjalin,” katanya.

Tambahnya pameran ini menampilkan lebih 100 ukiran jed yang mana setiap satunya merupakan khazanah bernilai, dipilih melalui proses tapisan yang teliti daripada rumah lelong seperti Christie’s, Sotheby’s dan Bonhams.

“Selain itu, ia juga turut mempamerkan koleksi terkenal seperti Robert Hatfield Ellsworth dan Roger Keverne.

“Pameran ini memberi peluang

kepada para pengunjung untuk menelusuri sejarah seni jed purba, bermula dari zaman prasejarah hingga Dinasti Ming dan Qing.

“Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pertubuhan Kebudayaan Cina Malaysia kerana telah membina sebuah galeri seni baharu di BSN, menjadikannya galeri yang ke-8 serta memberi lambang kepada sejarah 50 tahun hubungan diplomatik ini.

“Orang ramai dijemput untuk melawat Pameran Batu Jed: Jejak Beribu Tahun Menuju Kemakmuran Yang Abadi yang berlangsung sehingga 23 Disember 2024 di Balai Seni Negara bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang setiap hari.” katanya. **17**



Bil 290 . 29 NOVEMBER - 5 DISEMBER 2024

.Ikut rasa binaasa

►►10-11

TERJERAT HAWA NAFSU

AINI MAWAWI

Pengguguran haram bukanlah suatu yang baharu malah ia sering kali dibincangkan dari semasa ke semasa. Golongan remaja antara yang sering berdepan isu ini kerana terlalu mengikut emosi sehingga mengambil keputusan di luar kewarasan fikiran.



WAN FIKRIAH

Menurut Pakar Psikologi, **Dr Wan Fikriah Dania Hamdan**, mereka yang menggugurkan kandungan bakal berdepan masalah mental berpanjangan dan boleh menjadi lebih buruk di kemudian hari.

“Disebabkan stigma negatif masyarakat yang masih tinggi, mereka akan menjadi malu, bersalah dan murung sehingga akan merasakan harga diri tidak lagi membawa erti sekali gus mengambil keputusan untuk memencilkan diri.

“Malah tingkah laku salah yang telah dilakukan turut memberi kesan jangka masa panjang. Jika tidak dirawat akan mendatangkan masalah berangkai di kemudian hari hanya disebabkan kecelaruan emosi,” ujarnya.

Berkongsi pengalaman membantu remaja yang berdepan masalah tersebut, Wan Fikriah berkata, beliau lebih menjurus kepada rawatan alternatif iaitu teknik *Ricky Islamic Healing* untuk memperbetulkan dalaman pesakit terlebih dahulu.

“Ia merangkumi sesi kaunseling untuk memberi semula keyakinan kerana dalam badan kita terdapat sistem aura tujuh warna. Jadi, apabila ada kisah lama yang membuatkan dia trauma dan berdepan kesakitan dalaman, maka aura tersebut tidak cantik.

“Bukan mudah untuk mengembalikan keyakinan seseorang tetapi kisah-kisah lama yang ada dalam

fikiran pesakit akan menjadikan mereka terkurung dalam diri sendiri. Itu yang kita cuba elakkan,” ujarnya yang pernah merawat puluhan kes melibatkan pengguguran haram.

Kongsinya salah satu kes yang pernah dikendalikan melibatkan seorang remaja yang memakan pil untuk menggugurkan janin yang sudah pun berusia empat bulan dalam kandungan.

“Remaja tersebut dibawa oleh ibu bapanya berjumpa saya kerana anaknya trauma teruk disebabkan terpaksa menahan sakit sendirian untuk mengeluarkan janin yang sudah besar. Selain itu, mentalnya koyak kerana terlalu tertekan dengan kejadian.

“Memang memerlukan masa untuk merawat kembali jiwa dan juga fizikal pesakit namun saya kagum dengan ibu bapanya yang tidak membiarkan anaknya keseorangan biarpun dia telah melakukan kesilapan yang sudah mencalarakan maruah keluarga,” ujarnya.

Dalam masa yang sama, beliau turut menasihati golongan remaja agar tidak terlalu mengikut perasaan ketika bercinta kerana perasaan itulah yang menjadi penyebab paling banyak menyumbang kepada pengguguran haram yang akan disesali seumur hidup. (H)



KES BUANG BAYI

Bagi tempoh 2018 hingga Februari 2024

3 negeri catatkan jumlah kes kumulatif tertinggi:

Selangor = 111 kes
Johor = 64 kes
Sabah = 56 kes

50 kes (9.82 peratus) telah dituduhkan di Mahkamah Majistret di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

Tindakan juga akan diambil terhadap pelaku mengikut **Seksyen 302 Kanun Keseksaan** atau **Seksyen 307 Kanun Keseksaan** iaitu masing-masing bagi kesalahan bunuh dan cubaan bunuh sekiranya hasil siasatan memenuhi setiap elemen kesalahan diperuntukkan di bawah seksyen terbabit.

Faktor berlaku adalah

- Kecuaian ibu bapa atau penjaga.
- Anak tidak sah taraf (luar nikah).
- Masalah kewangan.
- Perbalahan keluarga.

509 kes telah dilaporkan berlaku di seluruh negara



Anak bagaikan kanvas putih

DALAM dunia yang semakin mencabar hari ini, sering kali kesalahan yang dilakukan oleh anak mengheret masyarakat untuk mengecam cara didikan ibu dan bapanya. Ini kerana anak yang lahir ke muka bumi ini diibaratkan seperti kain putih yang akan dicorakkan oleh ibu bapa.

Menurut Pendakwah Bebas, **Shahrin Abd Rahman**, anak perlu dididik dengan solat kerana hanya dengan solat sahaja akan menjauhkan seseorang daripada melakukan maksiat.

“Ibadah-ibadah lain seperti puasa, haji dan zakat bahkan hendaklah ibu bapa memberi kefahaman kepada anak-anak bahawa ibadat menurut Islam tidak terbatas kepada empat perkara ini sahaja.

“Ia merangkumi segala amal soleh seperti perkara halal haram sejak mereka kecil lagi sebagai didikan dan membentuk jiwa



SHAHIRIN

beragama yang dapat mengawal dirinya daripada maksiat dan kesesatan serta tahu perbezaan baik dan buruk, halal dan haram, antara hak dan batil di samping ibu bapa hendaklah menjadi tauladan.

“Sebenarnya Islam memerintahkan agar ibu bapa menjaga diri sendiri dan ahli keluarga dari melakukan dosa dan maksiat kepada Allah. Firman Allah SWT: *Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka.* - Surah al-Tahrim: 6.

“Oleh itu, hubungan antara ayah dan anak adalah hubungan yang mempunyai tanggungjawab yang mesti dilaksanakan. Mengabaikan tanggungjawab ini akan dipersoalkan di sisi Allah di akhirat kelak,” ujar beliau.

Mengulas lanjut tentang hukum menggugurkan janin hasil persetubuhan haram, Shahrin berkata, haram menggugurkan



janin di dalam kandungan kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk dan boleh menjejaskan membahayakan nyawa ibu.

“Sementara orang yang berzina akan mendapat tiga pembalasan

di dunia iaitu dihilangkan seri wajahnya, dipendekkan umurnya dan berkekalan dalam kefakiran.

“Bahkan memperoleh tiga pembalasan di akhirat iaitu kemurkaan Allah, perhitungan amal

buruk dan azab neraka. Untuk itu, mohonlah keampunan daripada Allah sebanyak-banyaknya. Tiada dosa yang Allah tidak ampunkan melainkan dosa syirik,” ujar beliau.

1,001 sesalan

“**DULU** saya tak fikir panjang. Bagi saya cinta adalah segala-galanya. Pelajaran entah ke mana yang saya tahu nak habiskan masa dengan kekasih tambahan pula dia satu kolej. Sampai satu hari, saya tak datang bulan waktu tu automatik fikir dah mengandung. Bila buat pemeriksaan, dua minggu usia kandungan.


“Saya tak tahu nak buat apa hanya mengadu pada kawan satu rumah sewa. Dia pun kasihankan saya dan kami cari sebuah klinik untuk gugurkan kandungan. Masa tu saya bayar dalam RM400 sahaja sebab kandungan masih kecil. Prosedur tu dalam empat jam sahaja lepastu saya dibenarkan balik rumah dan saya dibekalkan

beberapa jenis ubat. Mujurlah tak ada apa-apa.


“Bila tak ada rasa sakit tu, saya masih tak insaf sehinggalah pintu rumah sewa teman lelaki diketuk pencegah maksiat. Saya terlalu takut dan ambil keputusan terjun daripada tingkat dua. Mujur saya cuma retak kaki. Kemudian saya dibuang kolej kerana peristiwa tersebut. Kawan-kawan pun tahu dan saya malu.

“Waktu berlalu, saya berpisah juga dengan teman lelaki, masa tu saya rasa segala pengorbanan tak dihargai pun. Saya akhirnya bertemu jodoh namun saya tak bahagia malah saya tak dikurniakan zuriat. Inilah balasan saya yang Allah tunjukkan di dunia.”


Pengambilan pil gugur kandungan seperti Misoprostol & Mifepristone tanpa pengawasan pengamal perubatan berdaftar boleh memberi implikasi seperti:



Rahim terkoyak.



Pendarahan tidak normal.



Jangkitan kuman serta boleh membawa maut sekiranya tidak dirawat.



Kelahiran bayi cacat sekiranya kandungan tidak berjaya digugurkan setelah ubat gugur kandungan diambil.







MEMPERINGATI KORBAN WW2

MUQTADIR HALIM

REMEMBRANCE Day atau Hari Peringatan Perang disambut pada 11 November atau pada minggu kedua bulan November setiap tahun bertempat di World War II Memorial Park Labuan (Taman Peringatan Perang), Jalan Tanjung Batu, Wilayah Persekutuan Labuan.

Upacara yang diadakan ini adalah bagi memperingati seramai 3,908 anggota tentera negara-negara Komanwel yang terkorban semasa Perang Dunia Kedua (WW2) ketika menentang tentera Jepun di sekitar Borneo. Upacara ini juga turut diiringi dengan bacaan doa di tiga kawasan berasingan mengikut agama tentera yang disemadikan iaitu tentera Islam, Kristian dan Hindu atau Sikh.

Hari Peringatan Perang ini juga dilengkapi dengan upacara ketenteraan iaitu tatacara pertukaran Virgil Guard dan Last Post, Two Minutes Silence dan Reveille. Upacara kemuncak bagi majlis ini adalah peletakan

kalungan bunga oleh para tetamu kehormat dan diplomat luar dan dalam negara yang hadir.

Majlis ini dihadiri Pesuruhjaya Tinggi atau wakil Pesuruhjaya Tinggi khasnya dari Negara-Negara Komanwel berserta keluarga perajurit-perajurit yang turut sama hadir. Acara ini dihadiri oleh wakil Pesuruhjaya Tinggi Australia (Australia High Commissioner) serta ahli keluarga dari negara Australia, British, Nepal, Amerika Syarikat, New Zealand dan India.

Upacara dimulakan dengan pergerakan masuk pasukan pancaragam PDRM yang mengiringi Virgil Guard / Guard of Honour melibatkan pasukan keselamatan seperti TUDM, TDM, TLDM dan PDRM.

Remembrance Day bukan sahaja sebagai platform memperingati pejuang-pejuang yang telah gugur tetapi objektifnya untuk kita sama-sama menghargai sebuah kedamaian dan menghentikan peperangan.



CENDOL SANTAN BEKU KISAR

KHAIRUL IDIN

SEBUT sahaja nama makanan pencuci mulut ini sudah pasti tiada siapa boleh mengatakan tidak untuk menikmatinya terutama pada musim panas. Tanpa mengira bangsa, menu ini menjadi kesukaan rakyat Malaysia.

Apatah lagi cendol telah diwartakan sebagai makanan warisan negara oleh Jabatan Warisan Negara Malaysia.

Di Labuan, terdapat ramai peniaga cendol dengan pelbagai variasi dan keistimewaan masing-masing yang mempunyai pengikutnya tersendiri.

Menariknya di pulau ini terdapat seorang usahawan muda yang mahu memartabatkan makanan warisan turun-temurun itu dengan memberikan nafas dan sentuhan wajah baharu yang lebih moden.

Menurut pemilik perniagaan Cendol De' Coco, **Sukardi Sulaiman**, idea untuk merenovasikan resipi makanan pencuci mulut itu terlintas di fikirannya bermula daripada perniagaan ibu bapa beliau yang membekalkan santan segar di sekitar pulau ini.

Maka tidak hairan jika kios Cendol De' Coco yang terletak di Kampung Ganggarak itu menjadi tumpuan peminat pemanis mulut.

Ujarnya, idea untuk berniaga cendol itu bermula apabila stok santan yang diusahakan ibu bapanya tidak habis terjual dan baginya itu merupakan pembaziran.

"Ketika ibu bapa saya berniaga santan untuk pasaran sekitar Labuan, adakalanya stok santan masih berbaki dan ia tidak dapat disimpan lama kerana mudah basi.

"Dari situ saya mula berfikir apakah cara untuk memanfaatkan santan tersebut daripada terbuang begitu sahaja.

"Pada awal tahun 2021, saya memberanikan diri menghasilkan cendol berkonsep lebih moden tanpa mengubah resipi asal dan hanya memberikan sedikit penambahan



sampingan sahaja," ujarnya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Sukardi mengakui beliau dan pekerjaanya tidak menang tangan memenuhi permintaan pelanggan yang setia dengan menu cendolnya.

"Alhamdulillah dengan penerimaan dan sokongan pelanggan, hampir 200 mangkuk cendol berjaya terjual setiap hari malahan ia boleh meningkat pada hujung minggu dan musim cuti," katanya yang juga bekas pekerja di salah sebuah syarikat terbesar dalam sektor minyak dan

gas.

Bercerita lanjut keistimewaan cendol yang dihasilkannya, beliau masih menggunakan menu ramuan yang asal seperti santan, gula merah, kacang merah dan sebagainya.

"Antara kelainan cendol ini ialah cara pembuatan itu agak berbeza sepertimana cara tradisi yang kita ketahui. Untuk penyediaan santan, saya menggunakan cara tersendiri

iaitu air santan itu dibekukan menjadi satu blok ais dan dikisar menjadi halus sebelum ia digunakan.

"Dengan cara ini, saya dapat mengekalkan rasa santan yang lebih pekat, berlemak dan segar kepada pelanggan. Selain itu, kita juga dapat mengekalkan ketahanan santan itu daripada basi dan bertukar warna.

"Di sini kami menyediakan pelbagai campuran tambahan buah-buahan segar sebagai 'topping' dan menjadikan cendol yang dihasilkan lebih menarik dan sihat.

"Antara menu kami adalah set cendol biasa, cendol durian (mengikut musim), mangga, buahan campuran, koktel dan jagung," ujarnya yang mengatakan harga setiap menu cendol yang dijual bermula daripada RM9.90 hingga RM25 mengikut pilihan *topping*.


“

"INI merupakan kali pertama saya mencuba Cendol De'Coco sejak ia tular di laman sosial.

"Bagi saya cendol di sini memang enak dan moden dengan penambahan variasi *topping* buah-buahan segar dan aiskrim menjadikannya lebih segar.

"Paling penting saya suka apabila ia menggunakan santan asli yang dibekukan dan dikisar menjadikannya lebih pekat dan berlemak."

EMMA SHAWINA HARUN
Pelanggan



“

"CENDOL De'Coco menepati cita rasa saya yang lebih gemar kepada buah-buahan yang segar selain banyak variasi buah-buahan yang boleh kita pilih.

"Sejujurnya saya bukanlah penggemar cendol tetapi Cendol De'Coco *mix fruit* luar biasa enak ditambah pula layanan pekerja di sini mesra dan sentiasa memberi keutamaan kepada pelanggan."

MOHD AIZAM AHMAD
Pelanggan



SUKARDI

Alamat: Kampung Ganggarak, Labuan
Masa: Isnin hingga Khamis (1 - 10 PM)
Jumaat (2 - 10 PM)
Sabtu hingga Ahad (11 AM - 10 PM)

Facebook: De coco

TikTok: Cendol De Coco



YUSMADI YUSOFF

TAHUN 2025 bakal menjadi tahun bersejarah bagi Malaysia apabila negara memegang Pengerusi ASEAN, sebuah tanggungjawab besar dalam era dunia yang semakin mencabar. Di bawah kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim, terdapat potensi besar untuk Malaysia bukan sahaja memimpin ASEAN tetapi juga mengangkatnya sebagai sebuah platform utama dialog global.



PENGERUSI & PENGARAH ENCORP BERHAD

Melalui pendekatan strategik ASEAN Initiatives #AI, Malaysia berpeluang mencipta penyelesaian inovatif untuk cabaran serantau dan global.

Pendekatan ini sejajar dengan wawasan yang saya telah digariskan dalam naskhah ANWAR IBRAHIM: Global Justice and Peace Through Dialogue, yang mendalami visi Anwar sebagai pemimpin global berteraskan dialog dan keadilan.

KEUNIKAN MALAYSIA SEBAGAI PENERUSI ASEAN

MALAYSIA memiliki kelebihan geopolitik dan sejarah yang unik. Terletak di tengah-tengah Asia Tenggara, Malaysia telah lama menjadi titik pertemuan pelbagai tamadun – Islam, Cina, Hindu dan Barat. Kepelbagaian ini memberikan kelebihan kepada Malaysia untuk menjadi peneraju dialog antara tamadun, yang sangat diperlukan dalam dunia moden yang sering dilanda konflik dan perpecahan.

ASEAN, sebagai sebuah entiti serantau, berhadapan cabaran besar seperti geopolitik di Laut China Selatan, perubahan iklim, transformasi digital dan ketidakpastian ekonomi global.

Namun, cabaran paling signifikan ialah hakikat bahawa kebanyakan pemimpin di negara-negara anggota ASEAN kini adalah daripada generasi baru, berbanding generasi pengasas. Generasi baru ini membawa perspektif dan gaya kepimpinan yang berbeza, memerlukan usaha yang lebih besar untuk membina titik pertemuan (*common ground*) yang boleh menyatukan negara-negara anggota.

Keunikan Malaysia mampu jadi pentas kepimpinan HAB DIALOG GLOBAL ASEAN 2025



MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin (enam kiri) menyaksikan penyempurnaan penyerahan Kepengerusian ASEAN daripada Laos kepada Malaysia dalam satu upacara yang disaksikan oleh Ketua Delegasi setiap negara di Vientiane, Laos.

MEMBENTUK 'MUAFAKAT ASEAN' MELALUI INTERAKSI DAN DIALOG

DALAM usaha menghadapi perubahan geopolitik semasa, ASEAN memerlukan asas kerjasama yang lebih kukuh, berpaksikan semangat Muafakat ASEAN — sebuah konsep kesepakatan yang mengutamakan dialog dan persefahaman. Generasi baru pemimpin ASEAN perlu didorong untuk memperbanyakkan interaksi dan kerjasama strategik demi mencapai persetujuan bersama dalam isu-isu utama.

Malaysia, sebagai Pengerusi ASEAN 2025, boleh memainkan peranan penting dalam menggalakkan interaksi ini melalui inisiatif seperti:

1. Dialog pemimpin generasi baru ASEAN

Malaysia boleh menganjurkan dialog khas yang melibatkan pemimpin muda ASEAN untuk membincangkan isu-isu serantau yang mendesak seperti transformasi digital, perubahan iklim dan keselamatan geopolitik. Dialog ini boleh berfungsi sebagai platform untuk menyelaraskan pandangan dan membina kesepakatan.

2. Platform interaksi rentas budaya dan tamadun

Dengan keunikan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama, ia boleh menjadi model kepada pemimpin ASEAN generasi baru tentang bagaimana tamadun yang berbeza dapat hidup bersama secara harmoni. ASEAN Initiatives #AI boleh menjadi landasan digital untuk memperkukuhkan interaksi ini melalui teknologi seperti kecerdasan buatan (AI).

3. Pembangunan kepimpinan generasi baru

Malaysia boleh menubuhkan institut kepimpinan serantau seperti Anwar Ibrahim Leadership Institute untuk melatih pemimpin muda ASEAN dalam seni dialog, penyelesaian konflik dan strategi kepimpinan mampan. Institut ini juga boleh menekankan kepentingan 'Muafakat ASEAN' sebagai prinsip utama dalam kerjasama serantau.

DIALOG SEBAGAI ASAS DIPLOMASI

ANWAR dikenali sebagai seorang pemimpin yang menjadikan dialog sebagai asas kepada diplomasi dan penyelesaian konflik. Buku beliau Asian Renaissance telah memperkenalkan konsep kebangkitan nilai-nilai Asia yang berlandaskan dialog, keadilan dan kebijaksanaan. Kini, visi ini saya kembangkan lagi dalam buku ANWAR IBRAHIM: Global Justice and Peace Through Dialogue, yang menekankan bagaimana pendekatan dialog mampu menjadi alat untuk membina keadilan dan keamanan global.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Anwar berpeluang besar untuk memperkenalkan rangka kerja dialog yang inklusif dan strategik. Dalam konteks cabaran geopolitik seperti ketegangan di Laut China Selatan dan isu pelarian Rohingya, pendekatan dialog dapat merapatkan jurang dan mewujudkan kerjasama yang lebih baik antara negara-negara anggota ASEAN serta dengan rakan dialog seperti Amerika Syarikat, China, Kesatuan Eropah dan India.

MALAYSIA SEBAGAI HAB DIALOG GLOBAL MELALUI ASEAN INITIATIVES #AI

KEUPAYAAN Malaysia untuk menjadi hab dialog global dapat direalisasikan melalui strategi berikut yang sejajar dengan wawasan dalam ANWAR IBRAHIM: Global Justice and Peace Through Dialogue:

1. Dialog intra-ASEAN untuk kesepaduan serantau

Malaysia boleh memulakan dialog dalaman antara negara-negara anggota ASEAN untuk merapatkan jurang dalam isu-isu seperti hak asasi manusia, demokrasi dan pembangunan mampan. ASEAN Initiatives #AI boleh menjadi platform utama untuk mempercepatkan proses ini.

2. Platform global untuk dialog inter-civilizational

Malaysia boleh memperkenalkan platform seperti Global Leadership & Dialogue Initiative (GLDI) untuk menyatukan tamadun besar dunia – Islam, Barat, Cina dan India

– dalam menangani isu-isu global seperti perubahan iklim, ketidaksetaraan ekonomi dan keamanan serantau.

3. Inovasi teknologi untuk diplomasi

ASEAN Initiatives #AI boleh menggunakan AI untuk menyokong dialog serantau dan antarabangsa. Teknologi ini boleh membantu dalam meramalkan konflik, menganalisis data geopolitik dan memacu kerjasama strategik yang berasaskan bukti.

4. Pembangunan kepimpinan ASEAN melalui pendidikan


Penubuhan institut kepimpinan seperti Anwar Ibrahim Leadership Institute boleh menjadi platform untuk melatih pemimpin muda ASEAN dalam seni dialog dan penyelesaian konflik. Institut ini boleh menjadi sebahagian daripada usaha jangka panjang untuk membina generasi pemimpin yang komited kepada keadilan dan keamanan.

MASA DEPAN ASEAN DI BAWAH KEPIMPINAN MALAYSIA

TAHUN 2025 memberikan peluang besar kepada Malaysia untuk menunjukkan kepimpinannya di peringkat serantau dan global. Dengan visi yang digariskan dalam ASEAN Initiatives #AI dan wawasan yang didokumentasikan dalam ANWAR IBRAHIM: Global Justice and Peace Through Dialogue, Malaysia berpotensi menjadi pemangkin kepada transformasi ASEAN.

Melalui kepimpinan Anwar Ibrahim, ASEAN boleh diangkat sebagai platform dialog global yang menyatukan tamadun, menyelesaikan konflik dan membina masa depan yang lebih baik untuk semua. Keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan sejarah dan budaya pelbagai tamadun memberikan asas kukuh untuk mewujudkan dunia yang lebih harmoni dan inklusif. Dengan membina 'Muafakat ASEAN,' generasi baru pemimpin serantau boleh berganding bahu untuk memastikan ASEAN kekal bersatu, relevan dan kuat dalam menghadapi perubahan geopolitik semasa.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.





SYAHRUDDIN fokus dalam memastikan pelajar memakai tudung sekolah yang selesa dan kemas.

RANCANG PUSAT SEHENTI TUDUNG

AINI MAWAWI

KETIKA mula menjinakkan diri dalam bidang perniagaan 11 tahun lalu, hasrat hatinya hanya satu iaitu ingin mengajar kanak-kanak menutup aurat sedari usia kecil agar tidak kekok apabila besar nanti.

Bertitik tolak daripada itu, pengusaha tudung, **Syahrudin Zainul** mengambil kesempatan memulakan perniagaan tudung kanak-kanak dengan menyewa lot kedai kecil di hentian bas di Damansara Damai.

Selain memenuhi tuntutan Islam, ketika itu dia melihat tidak ramai usahawan yang membekalkan

tudung kanak-kanak.

Namun pada tahun 2016, dia mengambil keputusan untuk memberi fokus kepada penghasilan tudung sekolah yang diberi nama TudungSiComel.

"Kekal dengan prinsip untuk mengajar anak kecil menutup aurat, hasrat kita ketika itu juga ingin memastikan pelajar memakai tudung sekolah yang selesa dan kemas agar dapat menumpukan lebih perhatian di dalam bilik darjah.

"Alhamdulillah, niat yang baik dipermudahkan urusan oleh Allah SWT apabila syarikat serta

produk TudungSiComel mendapat pengiktirafan pada tahun 2022.

"Antara misi yang menjadi pegangan kita adalah untuk menghasil serta membekalkan semua jenis variasi tudung sekolah yang kemas dan selesa.

"Dalam masa sama, kita juga berhasrat muncul sebagai pusat sehati untuk pembelian semua jenis tudung sekolah yang diperlukan di Malaysia," ujarnya.

Berbicara lanjut tentang cabaran yang dilalui, Syahrudin mengakui, dia turut berdepan saingan hebat dalam pemasaran di platform dalam talian.



"Kita akui, pembeli sekarang lebih memilih untuk membeli secara dalam talian, jadi saingan dari segi harga memang berlaku. Namun, saya sedar jika kita bersaing dari segi harga, mungkin takkan berjaya.

"Jadi, apa yang kita pentingkan adalah dari segi kualiti. Jika diikutkan, material lycra Korea original agak mahal berbanding lycra Korea tiruan, namun kita tetap memilih lycra original kerana keselesaan anak-anak di sekolah menjadi keutamaan.

"Disebabkan itu juga, setiap produk yang dihasilkan didatangkan dengan jaminan istimewa 180 hari, sekiranya ada sebarang masalah atau pelanggan tidak berpuas hati, ia boleh dipulangkan atau ditukar.

"Apa yang penting, rezeki yang kami terima adalah hasil daripada senyuman semua pelanggan, mudah-mudahan ia halal dan berkat," ujarnya.

Berpegang kepada prinsip di setiap rezeki yang Allah berikan kepada kita, terdapat rezeki orang lain, Syahrudin turut membantu

melahirkan usahawan yang terdiri daripada golongan suri rumah.

"Sekurang-kurangnya ia membolehkan mereka menampung keperluan ekonomi keluarga. Kita yakin bahawa suri rumah juga mampu untuk menjana pendapatan lumayan walaupun hanya berada di rumah.

"Selain itu, TudungSiComel juga menyediakan program latihan khas untuk suri rumah yang ingin menjana pendapatan dari rumah sambil melihat anak-anak membesar di hadapan mata antaranya silibus latihan khas terutama untuk subjek pemasaran dalam talian yang dikongsikan kepada wakil-wakil jualan yang mendaftar," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau bersyukur apabila turut menerima sokongan dan bantuan pelbagai agensi kerajaan antaranya Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang membantu dari segi sokongan dana Geran Digital pada tahun 2023 selain menyewa premis yang disediakan oleh MARA di Damansara Damai. 



PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.





harga

RM19.90

KU SEMAN KU HUSSAIN

DUNIA semakin maju dan kehidupan menjadi lebih moden. Bagaimanapun keadaan sedemikian tidak sahaja membawa kemudahan, tetapi juga ada sisi yang tidak baik pada kehidupan manusia. Hal itu kerana kemodenan tidak datang tanpa sisi lain yang perlu ditangani dan diimbangi antara baik dan buruknya.

Salah satu kesan yang tidak baik daripada kemodenan adalah terhakisnya ruang peribadi kita sebagai manusia yang merdeka. Teknologi memberi kemudahan pada kehidupan, tetapi masa yang sama mengecilkan ruang peribadi yang dinikmati sebelum datangnya kemajuan itu.

Misalnya suatu ketika dulu kamera untuk merakam gambar dan video hanya dimiliki oleh individu tertentu sahaja. Tidak banyak yang memiliki kamera kerana harga yang pada relatifnya mahal dan bukan satu keperluan.


Bagaimanapun dengan meledaknya teknologi telefon pintar yang ciri-ciri utamanya mempunyai kamera resolusi tinggi, kini hampir semua orang memiliki alat rakaman itu. Telefon pintar berubah menjadi ekosistem utama pada media sosial untuk berkongsi momen.

Masa yang sama penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) yang dulunya terhad kini digunakan meluas. Kalau dulu hanya dipasang di ruang tertentu, kini sudah mengawasi di mana-mana terutama di lokasi awam sebagai salah satu langkah mencegah jenayah.

Suatu yang perlu diingat bahawa teknologi tidak selalunya menjadi kawan, adakalanya menjadi musuh seperti telefon pintar dan CCTV yang merampas ruang peribadi yang sepatutnya kita nikmati sebagai manusia yang merdeka. Semua gerak-geri kita seperti diintip – pengguna telefon pintar yang tidak beretika dan pengendali CCTV yang tidak amanah.

Ekosistem media berkembang sangat pesat. Hampir semua orang mempunyai keupayaan merakam apa sahaja dan memuatkan di media sosial tanpa usul periksa.

RUANG PERIBADI DAN ANCAMANNYA



ANTARA babak dalam filem The Truman Show (1998) yang menceritakan mengenai seorang individu yang hilang ruang peribadi dalam hidupnya.

Pada asasnya telefon pintar berkamera bertujuan meningkatkan kualiti hubungan sosial dalam kalangan masyarakat. Telefon tidak sahaja sebagai alat hubungan melalui suara malah teknologi digital membolehkan audio visual seperti gambar dan video dikongsikan terutama melalui media sosial.

Bagaimanapun tanpa sedar kedua-dua teknologi alat itu mengawasi setiap gerak-geri yang sepatutnya menjadi ruang peribadi. Detik-detik peribadi sudah menjadi tidak selamat kerana kemungkinan dirakam CCTV atau pengguna telefon pintar oleh individu yang 'tidak pintar'.

Semua dalam kalangan kita terdedah pada rakaman sama ada secara sengaja atau sebaliknya. Malah rakaman itu pula dengan mudah bertebaran dengan adanya media sosial yang menghubungkan manusia di seluruh pelosok dunia. Bahkan bukan suatu

yang asing rakaman CCTV yang sepatutnya sulit boleh menjadi bahan tontonan di media sosial.

Padahal video atau gambar yang dirakamkan tanpa pengetahuan adalah satu bentuk pencerobohan ruang peribadi. Tetapi hal itu seolah-olah sudah menjadi perkara biasa apabila sebahagian besar dalam kalangan masyarakat mempunyai telefon pintar. Masa yang sama, begitu banyak CCTV dipasang di dalam dan luar bangunan malah di jalan-jalan raya.

Memang benar pemasangan CCTV bertujuan baik terutama untuk memantau berlakunya kegiatan jenayah. Malah menjadi antara pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan pemantauan oleh pihak berkuasa.

Bagaimanapun sebagai manusia yang merdeka, pemantauan pada setiap gerak-geri itu adalah satu bentuk penghakisan ruang peribadi. Hal itu pernah diangkat oleh pengarah Peter Weir menerusi filem The Truman Show (1998) yang menceritakan mengenai seorang individu yang hilang ruang peribadi dalam hidupnya.

The Truman Show memperlihatkan betapa terhakisnya ruang peribadi individu akibat kemajuan teknologi yang digunakan dengan sewenang-wenang dan tanpa etika. Itulah yang dilalui oleh seorang lelaki, Truman Burbank yang setiap detik hidupnya dipantau oleh 5,000 kamera dalam sebuah rumah.

Dia sudah tidak ada ruang peribadi kerana semua gerak-gerinya dalam setiap bilik di rumah itu disaksikan oleh umum.

Ketika filem itu diterbitkan dan ditayangkan belum ada lagi telefon pintar. Walaupun sudah ada CCTV tetapi tidak secanggih sekarang malah tidak digunakan secara meluas di semua tempat awam. Maka isu ruang peribadi dicerooh dengan pemantauan CCTV tidak lebih sebuah idea futuristik – tidak tergambar akan realitinya.

Tetapi siapa menyangka dua dekad kemudian, kita senasib dengan Truman Burbank yang ruang peribadi dicerooh atau menunggu masa untuk dilakukan demikian oleh teknologi. Tambahan pula dengan menggelegaknya media sosial – Facebook, TikTok, Instagram dan beberapa yang lain.

Sekarang ini kehidupan kita dipantau oleh telefon pintar untuk dijadikan isi kandungan di media sosial dan banyaknya CCTV. Dengan teknologi kamera resolusi tinggi, hanya masa yang menentukan bila pula kita dimangsakan seperti Truman Burbank.

Atas alasan keselamatan, hidup kita dipantau CCTV. Malah ada yang memasang di segenap sudut di dalam kediaman atau pejabat atas alasan keselamatan.

Memang CCTV bertujuan kebaikan, tetapi pada sisi lain misalnya kaum wanita khususnya sudah tidak bebas lagi membentulkan baju, kain atau seluar di tempat tersorok atau jauh dari pandangan umum. Di situ mungkin ada kamera dan manusia di sebalik kamera tersembunyi sentiasa memerhati gerak-geri mereka.

Hal seperti itulah membuat ruang peribadi kita semakin kecil dan mungkin hilang. Rakaman yang sebenarnya sulit dan sangat peribadi itu tidak dijamin kerahsiaannya. Sebabnya wujud sifat kurang amanah kepada sesetengah pihak. Maka disebabkan nipisnya sifat amanah, potensi untuk rakaman itu terlepas kemudian dimuat naik di media sosial adalah besar.

Bagaimana seksanya Truman Burbank, begitu juga kita pada era yang sangat kritikal kerana kemajuan teknologi yang tidak dipimpin oleh pengguna yang beretika. Banyak ruang peribadi terdedah pada eksploitasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Pemilik akaun media sosial yang tidak bertanggungjawab akan mendedahkan perkara peribadi orang lain kepada umum. Inilah program televisyen realiti ala 'Truman Show' yang menjadikan sesetengah dalam kalangan kita sebagai pelakon sekali gus mangsa.

Peter Weir sudah memberikan isyarat awal tentang wujudnya satu keadaan di mana atas nama kemajuan, kita tidak dapat mengelak daripada menjadi mangsa teknologi. Kini sudah jelas bahawa kita sudah tidak mempunyai ruang yang benar-benar peribadi – kalau orang tidak melanggar sempadan itu, kita sendiri yang melakukan apabila semua hal hendak diberitahu kepada dunia.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:

Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

MALAYSIA TERTINGGI MASALAH OBESITI DI ASIA TENGGARA?

ZULKIFLI SULONG

BARU-BARU ini, ketika bermain-main telefon bimbit, melintas di *wall* saya satu video TikTok tentang isu obesiti atau kegemukan. Yang mengejutkan saya video itu menayang satu maklumat bahawa Malaysia adalah negara paling ramai orang yang obesiti di Asia Tenggara.

Malaysia mencatatkan 44.2 peratus (%) manakala Vietnam negara paling rendah iaitu 10.2%. Thailand mencatatkan negara kedua di Asia Tenggara dengan catatan 32.2%. Namun setelah disiasat rupanya ia adalah data lama tetapi tidaklah terlalu lama.



PENULIS BEBAS

Lalu saya membuat kajian lagi mengenainya. Saya terjuma satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) Malaysia yang dikeluarkan pada Mac 2024.

"Menurut data terkini oleh The World Factbook – Central Intelligence Agency dari 2016 hingga 2024, Malaysia muncul sebagai negara ke-2 teramai berdepan masalah berat badan di Asia Tenggara.

"Brunei duduki tangga teratas dengan 28.2% rakyatnya mempunyai masalah berat badan. Malaysia mengutip peratusan sebanyak 19.7%. Manakala Singapura dan Thailand, terikat pada 11.6%, Filipina, Indonesia, Myanmar, Laos dan Kemboja masing-masing melengkapkan data masalah berat badan bagi rantau ini.

"Vietnam pula mencatatkan peratusan yang paling rendah dalam kalangan negara Asia Tenggara dengan kadar 1.7%. Terakhir sekali adalah Timor-Leste yang berada di kedudukan terbawah," lapor MKN.

Ada yang kata, kegemukan adalah ciri-ciri negara maju. Rakyatnya senang dan tidak menghadapi masalah makanan. Pendek kata, makanan tidak ada masalah di negara kita.



Oleh itu, kita tidak perlu risau mengenainya.

Namun saya terfikir, Vietnam juga sedang berkembang pesat. Sudah tentu di negara itu tidak menghadapi masalah ketidakcukupan makanan tetapi kenapa mereka boleh kekal tidak obesiti sebagaimana rakyat kita?

Menurut pakar, punca utama masalah kegemukan ini adalah gaya hidup dan makanan yang dimakan oleh individu. Berdasarkan perkara itu, jika kita melihat cara rakyat negara ini makan berbanding Vietnam jelas perbezaannya.

"Kalau engkau pagi-pagi dah pelahap nasi lemak dan roti canai serta teh tarik, tengah hari nasi kandar dengan teh ais, petang ABC, malam makan nasi lagi dengan air sejuk dan

sebelum tidur ada *supper* di kedai mamak lagi, bagaimana tidak gemuk?" kata seorang kawan apabila saya bangkitkan perkara ini.

Apabila kita melihat makanan Vietnam pula, ia amat berlainan dengan makanan harian kita.

Masakan Vietnam dicirikan oleh penggunaan bahan-bahan segar, penggunaan minimum tenusu dan minyak, tekstur pelengkap dan pergantungan yang sangat tinggi kepada herba dan sayur-sayuran.

Keseimbangan lima unsur rasa asas (pedas, masam, pahit, masin dan manis) adalah ciri utama makanan Vietnam, tulis seorang wartawan tentang masakan Vietnam. Isunya sekarang bolehkah kita mengubah

menu makanan kita? Ia sudah tentu memerlukan satu usaha yang berpanjangan tetapi usaha yang berpanjangan hanya akan terjadi kalau ia dimulakan.

Saya menulis kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad agar mula mendidik rakyat Malaysia tentang kepentingan menjaga makanan untuk mengelakkan kita dihambat oleh masalah obesiti yang berpanjangan selepas ini.

Namun sehingga kini saya belum menerima sebarang maklum balas. Saya sangat berharap, ketika beliau menjadi Menteri Kesihatan, sekurang-kurangnya ada sedikit usaha untuk melawan masalah obesiti ini.

Apa salahnya kita galakkan kedai-kedai mamak mengubah suai sedikit menu mereka agar lebihkan sedikit sayur-sayuran dalam makanan mereka?

Atau apa salahnya kita sebagai pengguna meminta ditambahkan sayur dalam makanan kita ketika memesan makanan sama ada di kedai-kedai mamak atau tempat makan yang lain?

Atau apa salahnya kementerian atau lain-lain badan mewajibkan atau mensyaratkan kepada para pengusaha makanan di kantin-kantin sekolah atau dewan makan asrama pelajar agar menambahkan jumlah kuantiti sayur dalam menu masakan mereka?

Kita boleh juga membuat pertandingan memasak secara sihat dalam kalangan chef di negara ini. Kita siarkan secara langsung di TV misalnya. Pemenangnya hendaklah dinilai dari segi nilai kesihatannya, realistik atau tidak bahan-bahannya untuk dilaksanakan dan macam-macam lagi selain rasanya yang sedap.

Jika kita boleh buat begini saya yakin, kita akan menerap budaya makan baharu dalam kalangan rakyat negara ini di mana makanannya sedap dan juga sihat.

Saya mohon pertimbangan semua.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Pasar Datuk Keramat



Kuala Lumpur antara terbaik

ENAM tahun berlalu bayang pembangunan pasar moden Datuk Keramat, Kuala Lumpur, masih belum nampak. Projek pembangunan pasar tersebut bertujuan menggantikan pasar sedia ada yang uzur. Namun ia tergendala kerana kegagalan kontraktor melaksanakan projek yang dirancang.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini sangat menyedihkan. Setelah enam tahun masih tergendala, menafikan kebajikan peniaga serta pengunjung pasar yang mahukan pasar kondusif sesuai dengan kedudukan sebagai pasar 'kampung dalam bandar' yang menjadi tumpuan penduduk setempat.

Pada Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri datang meninjau pasar berkenaan. Beliau menyifatkan pasar tersebut sebagai sangat daif dan kerana itu beliau mahu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi keutamaan

pembangunan semula pasar tersebut.

Bagaimanapun Menteri Perlindungan dan Komoditi merangkap Ahli Parlimen Setiawangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata kerajaan akan mengambil alih projek menaik taraf pasar berkenaan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, langkah ini memang tepat kerana ternyata pemaju yang diberi peluang telah gagal melaksanakannya. Johari juga mendesak DBKL mengambil semula tanah yang diberi kepada pemaju yang baharu melunaskan 10 peratus pembayaran tanah berkenaan.

Oleh itu, amat diharap selepas ini proses pemilihan pemaju untuk membangunkan pasar yang semakin uzur itu dipilih dengan teliti serta disemak latar belakangnya agar pisang tidak berbuah dua kali.

Jangan lupa pasar Datuk Keramat adalah nadi penduduk setempat, pasar popular di ibu kota selain Pasar Chow Kit.

TAHNIAH Kuala Lumpur kerana disenarai di tempat ke-50 sebagai bandar raya terbaik dunia berdasar senarai tahunan World's Best City (Bandar Terbaik Dunia) yang dikeluarkan baru-baru ini.

Bukan itu sahaja, Kuala Lumpur juga diletakkan pada kedudukan ke-45 dalam kategori kemakmuran keseluruhan dan di tangga ke-12 di dunia dalam aspek Penyertaan Tenaga Buruh, melambangkan tenaga kerja yang aktif dalam pelbagai sektor.

Ini ditambah dengan pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang merangkumkan ciri-ciri inovasi tradisional dan moden, menjadikan ibu negara sebagai salah sebuah bandar raya paling dinamik di Rantau Asia Pasifik.

Kawan-kawan Kedai Kopi bangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Kuala Lumpur dalam pelbagai aspek.

Jelas ia menampilkan ibu kota diakui sebagai sebuah bandar raya yang maju pesat membangun serta mendapat perhatian dunia.

Penduduk pelbagai kaum yang hidup harmoni serta kepelbagaian budaya dan makanan turut menjadi aspek penilaian, menyimpulkan Kuala Lumpur memiliki segalanya. Kuala Lumpur disifatkan sebagai bandar raya pelbagai kaum dengan pelbagai makanan tradisional yang menambat hati pelancong.

Untuk rekod, di atas Kuala Lumpur ialah Zurich, Switzerland yang menduduki tempat ke-49 bandar raya terbaik. Kita sebagai rakyat Malaysia wajar berbangga dengan kejayaan dicapai oleh Kuala Lumpur, tempat di mana ramai warga kota asal, juga dari luar, mencari rezeki dan bermastautin membina kehidupan.



Foto: SADIQ ASYRAF/Pejabat Perdana Menteri

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkesempatan bertemu Presiden Persekutuan Muslim Korea, Profesor (Emeritus) Dr Ahmad Hwang Byung dan delegasi ketika lawatan rasminya di Seoul, Republik Korea.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail hadir merasmikan Majlis Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2024. Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mengadakan pertemuan dua hala bersama Menteri Perdagangan Republik Korea, Tuan Yang Terutama Cheong Inkyo.



MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengadakan pertemuan bersama delegasi Bin Zayed International Group of Companies yang diketuai oleh Pengerusi syarikat, Yang Mulia Khaled Zayed Saquer Zayed Al Nahyan.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa mengadakan sesi perbincangan dengan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din serta delegasi dari Huawei Malaysia yang berfokus kepada perancangan untuk menjadikan Labuan sebagai bandar pintar atau Smart Labuan.



MENTERI Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook mempengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN Ke-30 dan berpeluang mengadakan pertemuan dua hala bersama delegasi dari China, Korea Selatan dan Brunei baru-baru ini.

14 atlet Labuan berentap di Palawan

SERAMAI 14 atlet Kontinjen Wilayah Persekutuan Labuan bakal berentap dalam Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Friendship Games Edisi ke-11 di Palawan, Filipina yang akan berlangsung pada 1 hingga 5 Disember ini.

Menurut Timbalan Pengerusi Majlis Sukan Labuan, **Fadzilah Mahmud**, pihaknya menaruh harapan sepenuhnya kepada para atlet yang terpilih untuk

memberikan saingan sengit kepada kontinjen negara lain dan mempamerkan mutu sukan yang berkualiti.

Katanya, para atlet kontinjen diiringi oleh lapan jurulatih dan 10 pegawai Perbadanan Labuan dan Majlis Sukan Labuan akan mengambil bahagian dalam empat acara daripada lapan acara yang dipertandingkan iaitu karate, silat, badminton dan e-sukan.

“Saya menyeru kepada ahli kontinjen untuk menampilkan semangat kesukanan yang tinggi sepanjang acara ini berlangsung dan janganlah kita mencemarkan imej negara khasnya Wilayah Persekutuan Labuan dengan perilaku yang tidak baik sama ada di gelanggang sukan mahupun di bandar Puerto Princessa nanti,” katanya pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Labuan dan Kit

Atlet Ke Sukan Persahabatan BIMP-EAGA di Wisma Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Majlis Sukan Labuan, Mahathir Abd Hamid. Fadzilah berkata, selain Malaysia, acara berkenaan disertai oleh beberapa negara ahli BIMP-EAGA iaitu Brunei, Indonesia dan Filipina.

“Walaupun dilihat sebagai salah satu acara sukan persahabatan, ia adalah wadah untuk atlet kontinjen

Wilayah Persekutuan Labuan meningkatkan prestasi lebih-lebih lagi dalam menghadapi sukan berprestij seperti SUKMA.

Dalam pada itu, beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) yang menyalurkan sumbangan peruntukan sebanyak RM200,000 kepada kontinjen Wilayah Persekutuan Labuan bagi menyertai sukan tersebut. 



SUKURAN (kiri) bersama Simsudin (dua kiri) beramah mesra dengan para peniaga di Pasar Sentral UTC.

Penambahan parkir di Pasar Sentral

PL KOMITED BANTU PENIAGA

KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) akan meneliti semula cadangan projek penambahan dan menaik taraf kawasan parkir di Pasar Sentral bagi menampung keperluan peniaga dan pengunjung.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Mohd Sukuran Taib**, pihaknya telah menerima pelbagai aduan dan cadangan untuk menaik taraf kemudahan itu khususnya daripada para peniaga di bangunan tersebut.

Katanya, pihaknya akan membawa perkara tersebut ke peringkat atasan dan meneliti semula cadangan itu sebelum ia dimuktamadkan pada awal tahun depan.

“Seperti yang kita tahu, Pasar Sentral UTC ini tidak mempunyai parkir yang banyak dan kita juga sedia maklum akan masalah yang perlu dihadapi oleh pengunjung khususnya para peniaga di sini yang sering kali menghadapi masalah tersebut.

“Perkara ini kami akan bawa dalam perbincangan di peringkat

seterusnya untuk kami melihat dari segi keperluan termasuklah kawasan parkir baharu (keluasan yang diperlukan). Jika cadangan ini tiada sebarang halangan, kami menjangka pada awal tahun depan kerja-kerja menaik taraf dan penambahan kawasan parkir akan dilaksanakan,” katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek** turut mengumumkan pihaknya meneruskan inisiatif pemberian 50 peratus (%) diskaun bagi kadar sewa premis dan meja niaga di Pasar Sentral UTC Labuan berkuat kuasa 1 Januari hingga 31 Disember 2025.

Beliau berkata, PL telah memperuntukkan sejumlah RM435,408 bagi menampung pemberian inisiatif diskaun kadar sewa premis dan meja niaga yang memberikan manfaat kepada 519 peniaga untuk tempoh satu tahun.

“Pelanjutan pemberian diskaun kadar sewa premis di Pasar Sentral ini dibuat berdasarkan keprihatian

PL khususnya kerajaan untuk membantu para peniaga dalam meringankan beban mereka,” katanya.

Pengerusi Persatuan Peniaga Dan Penjaja Kecil Pasar Sentral (PPPKPS), Asmadi Ahmad berkata, pihaknya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan dan menyambut baik pengumuman tersebut serta yakin ia mampu meringankan beban dalam menghadapi cabaran peniagaan yang kurang baik dan sebagainya.

“Selain itu, kami juga berterima kasih kepada pihak PL sebagai pihak berkuasa tempatan yang mendengar keluhan dan cadangan mengenai masalah kawasan parkir yang sering dihadapi oleh peniaga dan pengunjung khususnya pada hujung minggu. Diharapkan ia dapat diluluskan dan dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana kemudahan itu amat diperlukan bagi memberi keselesaan kepada pengunjung sekali gus meningkatkan hasil pendapatan para peniaga di sini,” katanya. 

Bot ekspres kembali beroperasi

PENGOPERASIAN semula perkhidmatan Bot Ekspres Labuan–Kota Kinabalu (Sabah) yang dijangka dilaksanakan pada hujung tahun ini bakal menjadi satu usaha sebagai pemacu ekonomi dalam pelbagai sektor perniagaan tempatan di pulau itu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Labuan Holding (LDA) Sdn Bhd, **Noor Halim Zaini**, tujuan pengoperasian perkhidmatan air itu adalah untuk memenuhi keperluan dan permintaan penduduk Labuan.

“Pihak kami sering menerima pertanyaan orang ramai mengenai pengoperasian semula bot ekspres Labuan ke Kota Kinabalu dan kami sebagai pengendali terminal ini hanya akan memulakan operasi itu jika pihak pengendali bot tersebut bersetuju sahaja.

“Baru-baru ini kami telah mengadakan beberapa perbincangan untuk mengetengahkan cadangan pengoperasian semula pengangkutan itu dan ia masih belum ada sebarang keputusan dibuat.

“Jika semua urusan yang berkaitan telah selesai, kita menjangkakan perkhidmatan bot ekspres ini akan dilaksanakan selewat-lewatnya Disember depan. Kita juga menjangka dengan adanya perkhidmatan ini, Labuan bakal menerima sekitar 100 orang pengunjung masuk dan keluar dalam tempoh sehari.

“Sebelum COVID-19, kita berjaya

menarik lebih 100,000 pengunjung ke Labuan untuk tempoh setahun dan angka itu hanya untuk penumpang perkhidmatan bot melalui perjalanan laut Labuan–Kota Kinabalu sahaja. Oleh itu, kita mahu Labuan dihidupkan semula melalui perkhidmatan pengangkutan air ini untuk memacu semula ekonomi seperti dalam sektor perhotelan, kedai makanan, peniaga-peniaga kecil mahupun pelancongan,” katanya semasa ditemui Wilayahku baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan, S. Roslee Matusin menyatakan pihaknya menyambut baik cadangan pihak Labuan Holding Sdn Bhd untuk melaksanakan pengoperasian semula pengangkutan Feri Ekspres Labuan–Kota Kinabalu (Sabah) yang lebih tiga tahun tidak beroperasi.

Beliau berkata, alternatif pengangkutan air ke Tanah Besar Sabah itu merupakan satu keperluan yang mendesak kepada penduduk pulau ini untuk melakukan pelbagai urusan termasuklah mendapatkan rawatan kesihatan, urusan rasmi dan sebagainya memandangkan mereka hanya mengharapkan pengangkutan feri ro-ro, bot laju Labuan–Menumbok dan kapal terbang sahaja.

Bagaimanapun, Roslee turut meminta kepada pihak LDA untuk menyelaras kadar tambang yang lebih berpatutan agar tidak membebani penumpang. 



PELAKSANAAN semula perkhidmatan bot ekspres ke Kota Kinabalu akan merancakkan semula sektor pelancongan Labuan.

Galak budaya membaca dalam masyarakat

BERKELAH DENGAN BUKU

SABRINA SABRE

KELAH Buku @ Putrajaya bakal menghimpunkan peminat buku serta aktivis perbukuan bagi memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Program komuniti Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Persatuan Booktube Malaysia (BooktuberMY) dengan kerjasama Perbadanan Kota Buku (PKB), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Zonniq Creative Solutions ini akan berlangsung dari pukul 7 pagi hingga 7 malam (14 Disember) bertempat di Taman Botani Putrajaya dengan pelbagai aktiviti menarik untuk semua peringkat umur.

Pengarah MBKM merangkap Penasihat Program, **Mohd Khair Ngadiron** berkata inisiatif ini menggabungkan elemen literasi dan rekreasi dalam satu platform inklusif untuk memupuk budaya membaca khususnya dalam kalangan murid-murid sekolah dan keluarga.

"Program ini juga menjadi ruang pertemuan kelab pembaca buku, penggiat industri buku serta pencinta literasi untuk berkongsi idea dan memperluas jaringan sosial.

"Acara ini juga dilihat bukan sahaja menjadi platform untuk

mempromosikan pembacaan tetapi juga mencetuskan daya tarikan baharu bagi golongan muda dan keluarga melalui aktiviti yang interaktif dan santai," katanya pada Sidang Media Kelah Buku @ Putrajaya 2024 di Glasshopper Putrajaya yang juga selaku rakan santapan Kelah Buku.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota Buku, Adibah Omar.

Dalam masa sama, Mohd Khair berkata Kelah Buku belum pernah dianjurkan di Malaysia atau sekurang-kurangnya tiada direkodkan sebagai acara rasmi.

"Namun, konsep seperti ini boleh dianggap inovatif dan menyerupai program komuniti literasi lain yang menekankan penglibatan masyarakat.

"Ia boleh menjadi satu inisiatif baharu yang menonjol terutama jika pendekatan literasi itu digabungkan dengan elemen rekreasi seperti yang dirancang.

"Acara ini bukan sahaja boleh menjadi platform untuk mempromosikan pembacaan tetapi juga mencetuskan daya tarikan baharu bagi golongan muda dan keluarga melalui aktiviti yang

interaktif dan santai," tambah beliau.

Sementara itu, Pengarah Program, Hafiz Latiff ketika ditemui pemberita memaklumkan terdapat pelbagai acara menarik turut sama dianjurkan antaranya pertandingan mewarna, aktiviti memanah serta permainan tradisional.

"Program yang mengangkat

tema 'Membudayakan Membaca, Mendekatkan Komuniti' ini diharap dapat menarik minat ramai pencinta buku dan literasi untuk hadir bersama-sama memeriahkan penganjuran.

"Orang ramai diseru untuk hadir ke program ini, bukan sahaja untuk menikmati pelbagai aktiviti

yang telah disusun, tetapi juga untuk bersama-sama membentuk masyarakat yang lebih cintakan ilmu dan budaya membaca," ujarnya.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi sekretariat program di media sosial rasmi Kelah Buku atau e-mel booktubemalaysia@gmail.com. 



KELAH Buku @ Putrajaya menjadi ruang pertemuan kelab pembaca buku.

Bina komuniti sihat

PUTRAJAYA merupakan salah satu lokasi paling sinonim dalam kalangan peminat sukan berbasikal. Selain untuk kesihatan, berbasikal sambil melihat keindahan panorama di kawasan tersebut dapat menenangkan fikiran.

Sehubungan itu, bagi merencanakan lagi aktiviti berbasikal, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif mengadakan Putrajaya Inter-Park Ride (PIPR) 2024 baru-baru ini bertempat di Taman Botani, Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, **Datuk Fadlun Mak Ujud**, PIPR yang pertama kali diperkenalkan pada 30 Mei 2010 itu kini telah menjangkau penganjuran kali ke-33, membuktikan ia kekal sebagai acara yang dinantikan ramai.

"Sambutan orang ramai amat menggalakkan, lebih 800 peserta mendaftar bagi penganjuran edisi kali ini.

"Dengan laluan kayuhan yang selamat, peserta PIPR dapat menikmati suasana landskap taman awam yang memukau serta kekayaan flora dan fauna sepanjang laluan sejauh 25 kilometer," katanya dalam satu kenyataan bersempena Program PIPR edisi ke-33.

Terdahulu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa turut serta melepaskan peserta PIPR yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur.

Zaliha berkata, penganjur PIPR ini adalah dalam usaha merealisasikan aspirasi C.H.A.S.E City khususnya dalam bidang Healthy City.

"Selesai sesi *flag-off*, saya berkesempatan mengadakan lawatan sekitar Taman Botani.

"Berkeluasan 92 hektar, *Mother of All Gardens* ini merupakan salah satu Taman Botani terbesar di Malaysia dan berkonsepkan *floral attractions* yang menghimpunkan lebih 750 spesies tumbuhan daripada 13 koleksi tema tumbuhan yang berasal dari benua-benua berbeza.

"Selain Taman Botani, saya turut singgah ke Moroccon Pavillion Islamic Garden yang diinspirasi

daripada warisan, reka bentuk budaya serta seni bina Maghribi.

"Menariknya, Astaka Morocco ini menghimpunkan seni bina Afrika Utara yang menakjubkan sekali gus mewujudkan suasana tipikal Maghribi," katanya.

Dalam pada itu, Fadlun berkata PIPR bukan sahaja mempromosikan gaya hidup sihat, malah membuka peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman mereka di media sosial.

"Mereka menjadi duta kecil dalam memperkenalkan Putrajaya ke peringkat global dengan mempromosikan lokasi rekreasi serta budaya tempatan," ujar beliau.



SEKITAR sesi *flag-off* Putrajaya Inter-Park Ride 2024.

TAWARAN PELAWAAN
PENYEWAAN LOT NIAGA PUTRA FEAST KINI DIBUKA

SEMPENA

Lampu

FESTIVAL LIGHT & MOTION PUTRAJAYA (LAMPU) 2024
27 - 31 Disember 2024

Borang permohonan boleh dimuat turun melalui kod QR yang disertakan :
<https://ppj.my/lampu2024/fnb>

SILA IMBAS QR UNTUK BORANG PERMOHONAN

TARIKH TUTUP: 6 DISEMBER 2024

KRITERIA PERMOHONAN (SYARAT KHUSUS)

- Pemohon dan pasangan (suami/isteri) mestilah warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun.
- Telah mendaftar perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- Hanya satu permohonan dibenarkan untuk satu keluarga.
- Pemohon mestilah peniaga sepenuh masa.
- Pemohon dan pasangan (suami/isteri) mestilah tiada sebarang kompaun/tunggakan sewaan/cukai dengan PPj.
- Pemohon hendaklah mendapatkan suntikan Thypoid.
- Mempunyai Sijil Pengendalian Makanan.

Sila kemukakan borang yang telah lengkap kepada :
Bahagian Pelesenan
Jabatan Perkhidmatan Bandar
Blok B, Aras 5,
Kompleks Perbadanan Putrajaya
62675, Presint 3, Putrajaya

LOKASI TAPAK PUTRA FEAST LAMPU:
TAPAK PARKIR SEBELAH ISTANA KEHAKIMAN

SIBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI DI TALIAN: 88-8887 7000/7331/7167/3811 (Bahagian Pelesenan, Jab. Perkhidmatan Bandar)

Persiapan NSAM ke Sukan SEA 2025

IMPORT JURULATIH KOREA

SABRINA SABRE

PERSATUAN Menembak Kebangsaan Malaysia (NSAM) bakal mendapatkan khidmat dua jurulatih dari Korea Selatan, Park Cheol Wan (raifal) dan Kong Hyun Ah (pistol) bermula tahun hadapan sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA 2025 Thailand.

Setiausaha Kehormat NSAM, **Jasni Shaari** berkata, kepakarannya pasangan suami isteri yang juga pernah memimpin skuad Olimpik Korea Selatan itu diperlukan untuk memantapkan prestasi selain mental penembak negara.

"Kita sudah menghubungi kedua-dua jurulatih berkenaan. Sekarang mereka dalam proses pentadbiran untuk ke sini dan dalam mesyuarat baru-baru ini, Majlis Sukan Negara (MSN) sudah pun bersetuju.

"Mungkin ada prosedur lain yang perlu dilalui tetapi secara umumnya kita telah bersetuju. Dengan adanya jurulatih profesional, saya harap ada peningkatan nanti. Dalam syarat berkenaan, kita harap ada peningkatan dari segi pencapaian penembak negara," katanya selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) di MSN.

Dalam masa sama, Jasni berkata, kehadiran kedua-dua jurulatih berkenaan juga adalah bagi membantu dari aspek psikologi atlet negara.

"Jika kita tanya kepada penembak yang berjaya dalam sukan besar sudah semestinya mereka bercerita mengenai persiapan mental.

"Kebiasaan penembak terbaik mereka sudah rasa bila hendak menang namun perasaan itu tidak ada daripada penembak kita.

"Banyak penembak yang pergi ke Olimpik dan bila balik saya tanya mereka mempunyai perasaan gemuruh, gugup, tak tenteram. Ini semua bukan kesan ekoran kurang latihan tetapi kekurangan dari segi persiapan mental," ujarnya. 



NSAM optimis pencapaian skuad menembak meningkat.

Harap kajian prestasi siap sebelum hujung 2024

KONFEDERASI Bola Sepak Asia (AFC) diharap dapat menyiapkan laporan kajian prestasi terhadap Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) sebelum hujung tahun ini.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh**, kajian itu penting bagi memastikan pihaknya dapat melihat gambaran keseluruhan program itu sama ada perlu ditambah baik atau sebaliknya.

"Mesyuarat pertama yang dipengeruskannya diadakan minggu lalu bersama pihak terlibat seperti Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), PPBN dan pakar daripada AFC bagi membincangkan perkara berkaitan.

"Saya percaya bila mereka siap nanti, kita akan kongsi hasil penemuan itu. Saya nak laksanakan secepat mungkin untuk pastikan saluran bekalan pemain itu sampai ke peringkat Harimau Malaya atau pasukan kebangsaan itu wujud.

"Kalau tak wujud saluran itu, rakyat ataupun pembayar cukai akan selalu merasakan bahawa duit yang kita belanjakan sebenarnya satu pembaziran," katanya selepas Majlis Perasmian Kejohanan KBS Masters 2024 di Majlis Sukan Negara pada Khamis.

Sebelum ini, isu keberkesanan Program PPBN dipersoalkan selepas skuad bawah 16 tahun (B-16) negara



PPBN adalah langkah positif ke arah meningkatkan taraf bola sepak tempatan.

gagal layak ke Piala Asia B-17 2025 baru-baru ini.

Pada aksi kelayakan yang berlangsung di Laos bulan lepas, pasukan negara menamatkan saingan kelayakan Kumpulan H di kedudukan kedua dengan mengutip satu mata selepas mencatat

masing-masing satu seri dan satu kalah.

Mengikut format pertandingan, hanya 10 juara kumpulan dan lima pasukan yang berada di kedudukan kedua terbaik layak ke Piala Asia B-17 yang akan berlangsung di Arab Saudi tahun depan. 

Tiket Piala ASEAN mula dijual

PENYOKONG skuad Harimau Malaya boleh mendapatkan tiket bagi saingan peringkat Kumpulan A Piala ASEAN 2024 di Stadium Nasional Bukit Jalil bermula 25 November lalu.

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) menerusi laman Facebook rasminya mengumumkan penetapan harga RM30 bagi tempat duduk terbuka, RM50 (*grandstand*) dan RM60 (premium) manakala tiket kanak-kanak dijual pada harga RM5. Tiket boleh didapati menerusi laman sesawang www.ticket hotline.com.my.

Stadium Nasional akan menjadi tuan rumah melibatkan aksi Malaysia menentang Timor Leste pada 11 Disember dan Singapura pada 20 Disember.

Skuad kendalian Pau Marti Vicente itu akan memulakan kempen menentang Kemboja pada 8 Disember di Phnom Penh, sebelum menghadapi cabaran juara bertahan Thailand pada 14 Disember di Bangkok.

Kumpulan B pula dibarisi naib juara Vietnam, Indonesia, Filipina, Myanmar dan Laos.

Hanya dua pasukan teratas akan layak ke separuh akhir dan aksi separuh akhir serta final dilangsungkan mengikut format timbal balik. 

TIDAK SELALU INDAH

DEEL ANJER

HIDUP tidak selalunya indah, langit bukannya selalu cerah. Tidak semua yang kita inginkan dapat dikecapi, maka saat itulah hidup terasa begitu berat. Jalani saja apa yang ada di hadapan kita. Sentiasa bersyukur, melangkah sesuai kemampuan dan bahagia dengan apa adanya.

Selebriti tidak terkecuali. Apabila terpaksa bertarung dengan pelbagai

penyakit termasuk yang kronik, maka agak sukar untuk mengharapkan tawaran berlakon atau menyanyi. Inilah dilema yang dilalui mereka.

Menyedari situasi ini, Program Malam Silaturahmi, sebuah acara eksklusif anjuran HS Event & Entertainment Sdn Bhd dengan kerjasama Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan) dan Persatuan Seniman Malaysia (Seniman), telah

menyampaikan sumbangan khas berupa wang tunai kepada 20 individu yang pernah berjasa dalam bidang seni dan media.

Antara penerima sumbangan tersebut adalah Ebby Yus, bekas vokalis Ali XPDC dan Nine Coco. Ketiga-tiga insan ini reda dengan takdir, dalam masa sama bersyukur dikurniakan orang-orang baik di sekeliling mereka.

Terus melangkah atas kerusi roda

PELAKON dan pelawak popular, **Ebby Yus** akui sakit yang dialaminya bukanlah penghalang untuk dirinya terus menghiburkan orang ramai.

Bagi pemilik nama sebenar, Muhammad Yunus Abdul Rashid memaklumkan kedua-dua buah pinggangnya sudah pun rosak dan perlu menjalani rawatan dialisis air susulan keadaan jantungnya yang agak lemah.

"Buah pinggang saya dah rosak dan sekarang ini perlu jalani rawatan dialisis darah. Tetapi saya tak boleh jalani rawatan dialisis darah disebabkan kekuatan jantung saya yang kurang. Jadi, terpaksa doktor tukar kepada rawatan dialisis air melalui perut," katanya.

Pelakon yang terkenal menerusi sitkom Jenaka Kampung Kalut (JKK) memaklumkan dia tidak berasa sedih dengan penyakit yang dihidapi, malah sentiasa bersemangat untuk terus menghiburkan peminat.

"Selagi mampu kita nak buatlah (berlakon), tapi bergantung juga kepada keadaan kesihatan sekarang ini.

"Kalau dipanggil pun, insya-Allah masih boleh buat yang ringan atau mana yang sesuai. Tak dinafikan, tawaran berlakon pun sudah mula berkurang apabila mereka telah

tahu keadaan kesihatan saya.

"Alhamdulillah, mereka faham dan tawarkan saya untuk jayakan program yang mampu saya buat. Misalnya TV AlHijrah membantu saya dari segi perubatan selama dua tahun dan libatkan saya dalam *podcast*.

"Apabila kita makan dan kenyang, kita akan rasa puas, tetapi santapan jiwa ni tak pernah kenyang atau puas sehinggalah orang sudah tak boleh terima, barulah kita berhenti.

"Selagi orang boleh terima, meskipun berada atas kerusi roda, masih boleh teruskan," ujarinya.

Dalam masa yang sama, Ebby akui terharu dan bersyukur dikurniakan kawan-kawan serta orang sekeliling yang banyak membantunya.



Syurgalah tempat isteri saya

VOKALIS Coco, **Nine** akui sakit jantung dan strok yang dialaminya bukanlah sesuatu yang mudah, namun kuasa Allah menentukan segala-galanya.

"Pada Julai lepas saya terkena serangan jantung kemudian strok. Jadi sekarang, saya hanya lalui apa yang telah ditakdirkan, dalam masa yang sama, saya sedang menjalani terapi untuk strok.

"Ketika kritikal dalam ICU (Unit Rawatan Rapi) dulu, doktor bagi saya hanya lima peratus sahaja boleh hidup. Kiranya sudah hujung-hujung nyawa. Keadaan ini menyebabkan anak sulung saya mengalami *anxiety* (kebimbangan yang melampau) sebab dia ingat saya dah pergi.

"Apa yang saya boleh cakap sehingga ke saat ini, Allah itu Maha Besar. Saya tak tahu macam mana nak gambarkan perasaan saya.

"Anak-anak biasanya balik saja dari sekolah akan tanya keadaan saya. Ini menunjukkan mereka sudah boleh faham dan terima keadaan saya seadanya," katanya.

Nine atau nama sebenarnya Zulqarnain Jaafar, 43, juga meluahkan rasa syukur apabila dikurniakan isteri, Feride yang bersamanya dalam setiap keadaan.

"Apa yang dilalui oleh kami, turut dilalui oleh pasangan lain. Saya sangat beruntung mempunyai isteri yang banyak menyokong saya. Disebabkan semangat dia kuat, saya turut menjadi kuat. Kalau dia lemah, saya pasti akan lemah.

"Sudah tentu sebagai suami, saya terharu dengan pengorbanannya. Siang dan malam, walaupun sibuk bekerja, menguruskan anak-anak lagi, dia tetap sentiasa ada untuk saya.

"Andai kata saya sihat sepenuhnya nanti dan boleh menjalani kehidupan seperti biasa, saya takkan mampu balas jasa isteri saya. Apa yang dia buat terlalu besar. Hanya Allah yang mampu membalas segala pengorbanannya. Syurgalah tempat dia," ujarinya.

Ali XPDC diduga sihir

BERTUBI-TUBI dugaan datang melanda. Setelah penyakit jantung semakin pulih, penyanyi **Ali XPDC**, 56, diuji pula dengan sihir.

Menurut isterinya, Sharifah Azuwanna Syed Joned, kadang-kadang Ali menjerit seorang diri dan sering berasa pans, membuatkan dirinya amat risau.

"Ali sebenarnya baik-baik sahaja, beginilah keadaannya. Cuma kadang-kadang dia tiba-tiba menjerit, tapi apabila dibacakan ayat Al-Quran, abang terus tenang.

"Ustaz dah pesan, kalau boleh jangan keluar TV lagi buat masa ini. Kalau persembahan yang tidak keluar TV, tiada masalah.

"Cuma ada sebelum ini kami sudah bersetuju awal untuk program TV di RTM. Jadi muka abang keluar TV. Sejak keluar TV, kadang-kadang abang seolah-olah diganggu dan tiba-tiba meracau.

"Sejak itu walaupun tak muncul di TV, dia boleh tiba-tiba jadi gelisah dan menjerit. Padahal sebelum itu keadaannya elok sahaja," katanya.

Bukan hanya itu, Ali juga diduga apabila tubuhnya sering berasa panas secara tiba-tiba tanpa sebab.

"Apabila rasa panas, dia buka kipas atau *aircond*. Tak tahan panas katanya. Bila pergi hospital, doktor cakap 70 peratus sakit dia sebelum ini sudah berkurang. Sangat bagus doktor cakap. Darah tinggi dan keadaan oksigen dalam badan pun semakin pulih.

"Memang ustaz ada cakap ada kaitan dengan mistik. Saya baru bawa abang pergi berubat dengan ustaz. Namun keadaannya tetap sama.

"Sebagai isteri, apa jua keadaan yang dialaminya, saya tak akan pernah sekali meninggalkannya. Saya akan tetap setia menjaga sehingga dia betul-betul sembuh," tambahnya lagi.





SIKAP KETUA JAMIN HARMONI

AZLAN ZAMBRY

KETIDAKADILAN dalam kepemimpinan sering kali menimbulkan konflik, penindasan malah perpecahan dalam kalangan masyarakat mahupun di dalam sesebuah organisasi. Tanpa keadilan, kepercayaan dan kerjasama, ummah dan organisasi sulit dibangunkan yang akhirnya menghambat kesejahteraan bersama.

Menurut pendakwah, **Abdul Qayyum M.Suhaimi** menjelaskan asas kepada hubungan yang baik dan perpaduan masyarakat adalah kepercayaan dan pengiktirafan masyarakat kepada seseorang.

"Apabila seseorang itu dipercayai dan dihormati, maka proses untuk keharmonian masyarakat itu serta kerjasama erat dalam sesebuah organisasi lebih mudah untuk dicapai sekali gus membentuk perpaduan.

"Kita boleh lihat kepada sejarah bagaimana masyarakat Arab Quraisy yang bertelagah untuk meletakkan kembali batu Hajar Aswad ke tempat asalnya selepas bencana, mereka memilih untuk menerima keputusan sesiapa sahaja orang pertama yang masuk ke kawasan Kaabah dan apabila Baginda Ar-Rasul SAW yang memasukinya dengan tanpa perselisihan, mereka terus bersama-sama mempersetujui sebarang cadangan yang akan diberikan oleh Baginda," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Abdul Qayyum, ibrah yang boleh diambil dari peristiwa ini adalah bagaimana kerjasama dan perpaduan itu boleh dicapai jika kepimpinan dan ketua itu adalah seorang yang dipercayai dan diyakini kemampuan memimpin dan berlaku adil.

"Langkah pertama untuk menghasilkan masyarakat atau organisasi yang berpadu dan harmoni adalah dengan sikap dan sifat pemimpin yang mesti berlaku adil dan dilihat berlaku adil," katanya.

Abdul Qayyum berkata, Al-Quran dan Hadis sangat menekankan kepentingan hubungan baik dengan orang lain berikutan matlamat kehidupan Islam, terdapat tiga bentuk hubungan yang perlu dijaga oleh semua orang.

"Islam menekankan hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam seperti di dalam Al-Quran surah al Hujurat ayat 13 menyatakan bagaimana Allah menjadikan manusia lelaki dan wanita serta dengan kepelbagaian bangsa dan agama agar saling kenal mengenali.



KEPIMPINAN yang baik menatijahkan organisasi yang baik. - Gambar hiasan

"Ayat ini jelas menunjukkan bahawa perbezaan kejadian manusia ini sebagai satu bentuk rahmah yang perlu kita semua fahami untuk menjadi manusia yang lebih bertoleransi.

"Dalam hadis riwayat Ahmad, Al-Bukhari dan At-Tirmizi menukilkan sabda Baginda Rasulullah SAW bahawa tidak seseorang itu digelar al-wasil (penyambung silaturahim) apabila dia bersifat al-mukafi' yakni orang yang menyambung silaturahim jika saudaranya menyambung dan akan memutuskan apabila mereka memutuskan, akan tetapi al-wasil itu adalah mereka yang apabila terputus silaturahim, mereka segera menyambungkannya," katanya. Kata beliau, hadis ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan menjaga hubungan sesama manusia dan segera memperbaiki hubungan apabila semakin merenggang.

"Akibat pengabaian konsep menjaga hubungan sesama manusia ini, akan merosakkan kelancaran dan kelicinan perjalanan organisasi. Fitrah manusia jika ada yang bersifat tidak menghormati orang lain, lama-kelamaan sifat itu mampu mempengaruhi orang lain untuk turut sama mempunyai sifat tersebut dan akan merosakkan sesebuah organisasi," katanya. Menurut Abdul Qayyum, konsep 'umamah' (masyarakat) adalah suatu konsep kemanusiaan yang digariskan oleh agama Islam.

"Dalam sejarah pentadbiran Islam, piagam Madinah yang diasaskan oleh Baginda Nabi SAW pada tahun 622M mempunyai 47 fasal. Apa yang menarik adalah berkenaan fasal hubungan ummah mempunyai 24 fasal dan melebihi daripada fasal berkaitan peranan sesama umat Islam. Fasal-fasal berkenaan ummah digariskan oleh Nabi SAW di dalam Piagam Madinah sebagai suatu konsep kehidupan bersama.

"Berdasarkan kepada asas ayat Al-Quran di dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang menunjukkan kepelbagaian bangsa dan kaum, ada beberapa asas persamaan serta hak dan tanggungjawab bersama apabila hidup dalam kumpulan yang sama.

"Konsep ummah mampu menyatukan masyarakat pelbagai kaum dan agama untuk bergerak sebagai sebuah pasukan yang utuh. Jika konsep ini tidak diamalkan dalam kehidupan, maka perpecahan dan perselisihan akan terjadi," katanya. Ujar beliau, konsep kepimpinan melalui teladan, thiqah dan kepercayaan pengikut kepada pemimpin perlu diperolehi atas kerja baik yang dilakukan oleh pemimpin dan pelbagai lagi asas lain kekal menjadi peraturan penting dalam memastikan organisasi secara keseluruhannya dapat berkembang dengan baik.

"Hadis Nabi SAW berkaitan kepimpinan juga merujuk kepada semua orang adalah pemimpin dan serendah-rendah tahap kepimpinan adalah pemimpin kepada diri sendiri.

"Konsep ini jelas menunjukkan kepentingan sifat kepimpinan yang perlu ada dalam diri kita untuk memberikan kesan yang positif kembali kepada organisasi kita.

"Kita semua perlu percaya dan yakin, kepimpinan yang baik menghasilkan pengikut yang baik dan akhirnya akan menatijahkan organisasi yang baik seterusnya membentuk kesejahteraan yang holistik bagi keseluruhan personal yang terlibat dalam sesebuah organisasi itu," katanya. 17



ABDUL QAYYUM